

ISSN 1511 - 9033

# JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN

JILID 14, 2020



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK**

*Jurnal Penelitian Pendidikan*

Jilid 14, 2020



Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri  
*Institute of Teacher Education Sarawak Campus, Miri*

**PENASIHAT (ADVISOR)**

MOHAMAD ZAILANI BIN JAYA, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

**PENYELARAS (COORDINATOR)**

Dr NORSARIHAN BIN AHMAD

Dr HU LAEY NEE

Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

**Panel Editor (Panel of Editors)**

Dr NORSARIHAN BIN AHMAD, Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

Dr HU LAEY NEE, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

Dr BAITY BUJENG, Jabatan Ilmu Pendidikan

Dr MAGDELINE NOR, Jabatan Pengajian Melayu

KHOO KIN PENG, Jabatan Bahasa

**Editor Grafik (Graphic Editor)**

Dr HU LAEY NEE, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

---

**Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak** menerbitkan hasil-hasil penyelidikan pendidikan staf akademik, bekas staf akademik, para peserta kursus dalam perkhidmatan, dan para pelatih guru pra dan dalam perkhidmatan di IPG Kampus Sarawak. Satu salinan manuskrip mengikut gaya yang dispesifikasikan dalam Publication Manual of the American Psychological Association (APA) boleh dialamatkan ke Sidang Editor, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.

*The IPG Kampus Sarawak Journal of Education Research publishes educational research works of the academic staff, ex-academic staff, in-service course participants, and pre-service teacher trainees of IPG Kampus Sarawak. A copy of each manuscript conforming to the style specified by the Publication Manual of the American Psychological Association (APA) can be addressed to the Editorial Board, Jurnal Penyelidikan Pendidikan, IPG Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia.*

---

Hak Cipta Terpelihara © 2020 oleh IPG Kampus Sarawak, Miri

Copyright © 2020 by IPG Kampus Sarawak, Miri

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan jurnal ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara-cara lain sebelum mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah, IPG Kampus Sarawak.

*Partial reproduction of article/s, illustrations and contents in any form and means, be it electronically, photocopying, mechanically, recordings or any other means is prohibited before written permission is requested from the Director, Teacher Education Institut Sarawak Campus, Miri.*

Segala surat-menyurat boleh dialamatkan kepada:

*All correspondence can be addressed to:*

Sidang Editor

Jurnal Penyelidikan Pendidikan

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Jalan Bakam, 98009 Miri

Sarawak, Malaysia

**SEMADAH KATA, SEMANIS PEMBUKA BICARA  
PENGARAH IPG KAMPUS SARAWAK**


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tahniah dan syabas kepada semua Penulis, Penyelaras, Sidang Editor IPG Kampus Sarawak 2020 diatas usaha dan komitmen dalam menjayakan penerbitan Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 14, Tahun 2020.

Penyelidikan dalam pendidikan merupakan usaha yang dijalankan oleh para pendidik untuk meneroka dan memahami fenomena atau masalah untuk tujuan penambahbaikan. Jurnal Penyelidikan Pendidikan ini merupakan jurnal ke-14 yang memuatkan pelbagai artikel berkaitan dengan Pendidikan Matematik, Pendidikan Pemulihan dan Bahasa termasuk Bahasa Iban. Jurnal seperti ini akan dapat dijadikan wadah penting untuk para pendidik dalam menyumbang dan berkongsi pengetahuan baru berkaitan dunia pendidikan yang semakin berkembang. Semoga hasil penulisan dalam jurnal ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dalam meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI), IPG Kampus Sarawak di atas usaha mereka dalam menyediakan Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 14 ini. Semoga artikel dalam jurnal ini memberi inspirasi dan amalan-amalan baru untuk mengorak langkah ke arah kecemerlangan pengajaran dan pemudahcaraan.

Sekian, terima kasih.



(MOHAMAD ZAILANI BIN JAYA)  
Pengarah,  
IPG Kampus Sarawak

## **Prakata**

Penerbitan Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPG Kampus Sarawak Jilid 14 diteruskan dengan memberi fokus kepada usaha membudayakan penyelidikan dalam pendidikan di dalam kalangan pendidik khususnya dalam amalan melaksanakan penyelidikan tindakan di dalam bilik darjah.

Penerbitan jilid 14 kali ini, 12 artikel penyelidikan dalam pendidikan berkaitan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) telah dipilih untuk diterbitkan. Daripada 12 artikel ini, 2 artikel bidang Matematik, 3 artikel bidang Pendidikan Pemulihan, 4 artikel bidang Bahasa Cina, dan 3 artikel bidang Bahasa Iban telah dipilih untuk dimasukkan ke dalam Jurnal ini. Semoga artikel-artikel dapat membantu menyumbang idea-idea baru dalam dunia Pendidikan yang semakin mencabar ini.

Sesungguhnya amalan penyelidikan dalam bilik darjah dapat membantu dalam usaha penambahbaikan proses pdpc sekaligus menjana idea untuk melakukan sesuatu pembaharuan dalam proses pengajaran bagi menjayakan sesi PdPc selepas membuat refleksi. Jika amalan refleksi ini diperkukuhkan secara terancang dan menjadi rutin, ia boleh membantu mengembangkan ilmu baharu yang akan memberi manfaat kepada pembelajaran, seterusnya meningkatkan amalan profesionalisme masing-masing.

Sidang Editor ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada para penyumbang dan berharap usaha yang baik ini dapat diteruskan.

Sekian, terima kasih.

Sidang Editor,  
Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 14, 2020

**JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN  
IPG KAMPUS SARAWAK**

**JILID 14**

**TAHUN 2020**

---

	Halaman
Semadah Kata, Semanis Pembuka Bicara	iii
Prakata	iv
Isi Kandungan	v
<b>Penggunaan “<i>Flip And Found</i>” Dalam Membantu Murid Menyelesaikan Pendaraban Isi Padu Cecair</b> Amelynda Yong Ren Yie, Si Tong Yong	1
<b>i-Think: Pembelajaran Topik Peratus Dan Topik Wang</b> Tan Yoong Ming, Hu Laey Nee, PhD	13
<b>Aplikasi Teknik Multisensori Menambahbaik Tulisan Murid Pendidikan Pemulihan</b> Christoperson Keruka, Sapatomah @ Sabtuyah Morshidi	29
<b>Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Membaca Perkataan KV+KVK Murid Pemulihan Tahun 2 Melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi</b> Syevester Dundang Juan, Selvaraj Grapragasem	40
<b>Penggunaan Buku Garis Empat Secara Latih Tubi Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Huruf Berekor Murid Pemulihan</b> Patricia Lut, Baity Bujeng, PhD	51
运用循环日记提升三年级学生的书写能力 ( <i>Penggunaan Diari Kitaran Dalam Meningkatkan Tahap Penguasaan Penulisan Murid Tahun Tiga</i> ) Linda Pui Xin Yee, Khoo Kin Peng	62
美里华小学生网络使用现状调查研究 ( <i>Tinjauan Penggunaan Internet Dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Miri</i> ) Sia Li Hoon, Khoo Kin Peng	71
通过绘本教学帮助国小二年级生进行口语表达 ( <i>Penggunaan Buku Bergambar “Huiben” Untuk Membantu Murid Tahun Dua Dalam Kemahiran Pertuturan</i> ) Ow Chai Ying, Hoon Swee Kim	79

通过仿句训练帮助国小三年级学生发展写话能力 <i>(Penggunaan Kaedah Imitasi Untuk Membantu Murid Tahun Tiga Dalam Perkembangan Kemahiran Penulisan Ayat)</i> Wendy Lau Chui Jing, Hoon Swee Kim	91
<b>Teknik “Gambar Tubuh Mensia” Dikena Nerikika Pengawa Ngaga Ayat Belalauka Pola Ti Ketiga</b> <i>(Teknik “Gambar Badan Manusia” Untuk Meningkatkan Kaedah Membina Ayat Menggunakan Pola Ayat Ketiga)</i> Ageness Rendan Julin, Magdeline Nor, PhD	102
<b>Teknik Kayu Sekelim Dikena Mantu Nembiak Primari 3 Ngelala Jaku Adjektif Chura Jaku Iban</b> <i>(Teknik Kayu Sekelim Membantu Murid Tahun 3 Mengenal Kata Kerja Warna Bahasa Iban)</i> Mirasherra Benya Julin, Ngalai Belawing	110
<b>Teknik “Sebut, Tulis, Tandu” Dikena Mantu Nembiak Nulis Penambah Pun be- Ba Leka Jaku Nembiak Primari 4</b> <i>(Penggunaan Teknik “Sebut, Tulis, Ulang” Untuk Membantu Murid Tahun 4 Menulis Perkataan Yang Mengandungi Kata Imbuhan be-)</i> Serinie Ajan, Nelson Tandang Edwin Unting, PhD	117

## PENGGUNAAN “*FLIP AND FOUND*” DALAM MEMBANTU MURID MENYELESAIKAN PENDARABAN ISI PADU CECAIR

AMELYNDA YONG REN YIE<sup>1</sup>, SI TONG YONG<sup>2</sup>

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak

<sup>1</sup>amelyndayong@yahoo.com, <sup>2</sup>sitongyong@ipgm.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid, khususnya murid Tahun 4 untuk menyelesaikan pendaraban isi padu cecair yang melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit dengan penggunaan “*Flip and Found*”. Melalui “*Flip and Found*”, dapat membantu murid Tahun 4 menguasai kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit. Selain itu, penggunaan “*Flip and Found*” dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) juga dapat memupuk minat murid terhadap soalan Matematik yang melibatkan kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit. Tinjauan awal yang dijalankan dengan menggunakan latihan untuk mengetahui tahap penguasaan murid terhadap topik ini. Seramai lima orang peserta kajian didapati bahawa mereka belum menguasai kemahiran ini dan mempunyai masalah yang sama sewaktu melakukan pendaraban isi padu cecair, khususnya di bahagian liter. Maka, pengkaji menjalankan kajian tindakan ini dengan menggunakan instrumen lembaran kerja, kaedah pemerhatian dan temu bual. Setelah data-data dianalisis, didapati bahawa amalan pengajaran dengan “*Flip and Found*” berjaya membantu murid-murid dalam penguasaan pendaraban isi padu cecair. Selain itu, amalan PdPc menggunakan “*Flip and Found*” turut dapat memupuk minat murid untuk menyelesaikan soalan yang berkaitan dengan kemahiran ini dengan betul.

**Kata kunci:** *Flip and Found*, pendaraban, isi padu cecair, liter

### ABSTRACT

*This study was conducted to help students, specifically Year 4 students to solve multiplication of volume of liquid in mililitre and litre with unit conversion by using "Flip and Found". Year 4 students are able to master the skills of multiplication of volume of liquid in mililitre and litre with unit conversion by using "Flip and Found". In addition, the use of "Flip and Found" in PdPc can also stimulate students' interest in solving Mathematics questions related to multiplication of volume of liquid in mililitre and litre with unit conversion. Initial reviews were conducted using exercise to determine the level of student mastery of this topic. Five participants found that they had not mastered this skill and had similar problems when performing liquid volume multiplication, especially in the liter section. Therefore, the researcher has carried out this study using worksheets, observations and interviews. After analyzing the data, it was found that teaching practice with "Flip and Found" succeeded in helping students to master multiplication of volume of liquid. PdPc by using "Flip and Found" can also stimulate students' interest in solving questions related to this skill.*

**Keyword:** *Flip and Found*, multiplication, volume of liquid, litre

### PENGENALAN

Pada abad ke-21 yang penuh dengan cabaran ini, para guru amat mementingkan penguasaan murid terhadap sesuatu kemahiran dan konsep yang dipelajari tidak kira di dalam atau di luar bilik darjah. Melalui bantuan Dokumen Standard Kurikulum dan



Pentaksiran (DSKP) yang terkini, para guru dapat menjalankan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan lebih holistik, sistematik dan lebih mudah mencapai objektif yang ditetapkan, khususnya dalam mata pelajaran Matematik. Menurut Nur Aniza Elias dan Roslinda Rosli (2016), mereka berpendapat bahawa konsep pendaraban merupakan antara konsep asas yang paling penting dalam mata pelajaran Matematik dan perlu dikuasai oleh semua murid sejak dari sekolah rendah. Justeru, sebagai seorang warga pendidik, kita harus sentiasa memperlengkapi diri dengan ilmu pengetahuan Matematik dan teknik mengajar yang sesuai dengan perkembangan dunia pada abad ke -21 ini.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Menurut Then Moli Kanippan (2013), amalan refleksi membolehkan seseorang guru merangsang amalan profesional. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan sewaktu Praktikum Fasa 1 dan Fasa 2, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebilangan murid menghadapi masalah sewaktu menjawab soalan Matematik yang berkaitan dengan operasi darab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit dalam bentuk lazim. Kebanyakan murid menghadapi kesilapan sewaktu menyelesaikan pendaraban di bahagian liter (ℓ) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Menurut Mohd Rino Mohd Johari (2019), kebanyakan murid menghadapi masalah dalam menyelesaikan soalan pendaraban. Maka, sewaktu murid melakukan kesilapan pendaraban di bahagian liter (ℓ), telah menyebabkan murid tersebut tidak dapat menguasai topik ini dengan baik.

$$\begin{array}{r} 7\text{l } 250\text{ml} \\ \times \quad 15 \\ \hline 35\text{l } 1250\text{ml} \\ + 7\text{l } 250\text{ml} \\ \hline 42\text{l } 1500\text{ml} \\ + 1\text{l } 500\text{ml} \\ \hline 43\text{l } 2000\text{ml} \end{array}$$

Rajah 1. Kesilapan murid sewaktu melakukan pendaraban isi padu cecair di bahagian liter

Oleh itu, pengkaji mengubah amalan pengajarannya supaya murid-murid dapat memahami dan menguasai kemahiran ini serta dapat mencapai apa yang disampaikan oleh Nur Aniza Elias dan Roslinda Rosli (2016), bahawa penggunaan kaedah penyelesaian yang berkesan mampu meningkatkan kefahaman murid mengenai konsep pendaraban dan meningkatkan keyakinan mereka untuk menyelesaikan soalan dengan betul.

## FOKUS KAJIAN

Menurut Noor Erma Abu dan Leong Kwan Eu (2014), kemerosotan pencapaian dalam Matematik akan menyebabkan murid kehilangan minat terhadap mata pelajaran ini. Maka, pengkaji akan berusaha dengan sedaya upaya mencari strategi yang berkesan untuk membantu murid dalam penguasaan kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit. Setelah merujuk kepada beberapa kajian yang lepas, terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menyelesaikan isu murid dalam topik pendaraban. Antaranya adalah seperti penggunaan teknik tiang yang diperkenalkan oleh Lim Ai Giok (2015), penggunaan teknik titik yang diperkenalkan oleh Nur Aniza

Elias dan Roslinda Rosli (2016) dan kaedah kekisi atau “*Lattice*” yang pernah digunakan oleh Chan Yaw Jong dalam kajiannya pada tahun 2011.

Kesemua kaedah yang dinyatakan di atas amat berguna untuk membantu menyelesaikan masalah pendaraban. Namun sedemikian, selepas percubaan dilakukan, kesemua kaedah tersebut kurang sesuai digunakan untuk menyelesaikan masalah pendaraban isi padu cecair yang melibatkan liter dan mililiter. Sebab, kaedah-kaedah tersebut lebih sesuai digunakan untuk menyelesaikan soalan pendaraban yang hanya mempunyai satu jenis unit sahaja. Tambahan pula, setiap murid mempunyai tahap penerimaan dan tahap penguasaan yang berlainan. Oleh itu, pengkaji mereka cipta sebuah bahan bantu mengajar (BBM) yang dinamakan “*Flip and Foud*”.

Menurut Norfarizah Mohd Bakhir dan Mohd Zazril Ikhmal Zamri (2017), BBM merupakan kaedah alternatif yang digunakan oleh guru sewaktu PdPc dijalankan. “*Flip and Found*” digunakan untuk membantu murid melakukan pendaraban isi padu cecair dengan betul dan lebih sistematik. Seterusnya, melalui penggunaan “*Flip and Found*” para peserta kajian dapat memahami konsep pendaraban mengikut nilai tempat di bahagian liter secara lebih mendalam dan kecuaiian biasa dapat dielakkan. Tambahan pula, murid-murid berpeluang untuk menyentuh BBM dengan membelek-belekkkan kad petak berwarna merah jambu, seperti pintu yang boleh dibuka dan ditutup. Maka, murid-murid bukan sekadar melihat dan mendengar pengajaran pengkaji sahaja. Melalui penghasilan “*Flip and Found*”, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengetahui penguasaan murid dalam kemahiran pendaraban isi padu cecair dan minat murid terhadap kemahiran ini melalui amalan PdPc menggunakan “*Flip and Found*”.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Penyelidikan tindakan ini mempunyai dua objektif kajian iaitu :

- a) Membantu murid Tahun 4 menguasai kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit, iaitu memahami konsep pendaraban yang melibatkan nilai tempat di bahagian liter dengan amalan PdPc menggunakan “*Flip and Found*”.
- b) Membantu murid Tahun 4 memupuk minat terhadap soalan Matematik yang melibatkan kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit melalui amalan PdPc menggunakan “*Flip and Found*”.

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:


- a) Sejaumanakah “*Flip and Found*” dapat membantu murid Tahun 4 menguasai kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit, iaitu memahami konsep pendaraban yang melibatkan nilai tempat di bahagian liter dengan amalan PdPc menggunakan “*Flip and Found*”?
- b) Sejaumanakah “*Flip and Found*” dapat membantu murid Tahun 4 memupuk minat terhadap soalan matematik yang melibatkan kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit melalui amalan PdPc menggunakan “*Flip and Found*”?

## KUMPULAN SASARAN

Peserta bagi kajian tindakan ini adalah dipilih melalui semakan latihan dalam lembaran kerja yang diselesaikan oleh murid Tahun 4 dalam PdPc yang dijalankan. Peserta kajian tindakan ini adalah terdiri daripada lima orang murid Tahun 4 dari sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di bandaraya Miri. Kelima-lima murid ini mahir menggunakan sifir semasa melakukan pendaraban asas melibatkan nombor, namun mereka didapati menghadapi masalah semasa menyelesaikan soalan pendaraban isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit, terutamanya di bahagian liter.

**TINDAKAN**

Pengkaji menggunakan Model Stephen Kemmis (1983) sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini. Menurut Lee Chiong Wee (2013), Model Stephen Kemmis (1983) mengandungi empat langkah yang utama, iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. “*Flip and Found*” yang dihasilkan dalam Kitaran 1 merupakan sebuah BBM lutsinar yang mempunyai satu petak berwarna merah jambu. Petak berwarna merah jambu berfungsi untuk menutup nombor pada nilai tempat puluh. Kad kecil berwarna merah jambu adalah boleh dibeleg-belekkkan dan boleh diletakkan di atas kertas berpetak-petak seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Meor Ibrahim Kamaruddin dan Assaadah Mohamad (2011) mendapati bahawa gaya pembelajaran merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan dan kegagalan seseorang murid. “*Flip and Found*” adalah sesuai digunakan oleh murid yang mempunyai gaya pembelajaran secara visual dan kinestetik. Langkah-langkah menggunakan “*Flip and Found*” adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.



Rajah 2. “*Flip and Found*”


Jadual 1  
Langkah-langkah penggunaan “*Flip and Found*”

<p>Soalan pendaraban isi padu cecair.</p> <p><math>5 \ell \ 300 \text{ m}\ell \times 24</math></p> <p><b>Langkah 1 :</b> Pertama sekali, isikan nilai-nilai tersebut ke dalam petak-petak dengan mengikuti nilai tempat masing-masing.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td></td><td></td><td></td><td><math>\ell</math></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td><math>\text{m}\ell</math></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>5</td><td></td><td></td><td></td><td>3</td><td>0</td><td>0</td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td><math>\times</math></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>2</td><td>4</td> </tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>				$\ell$					$\text{m}\ell$					5				3	0	0			$\times$						2	4																																																																																
			$\ell$					$\text{m}\ell$																																																																																																							
			5				3	0	0																																																																																																						
		$\times$						2	4																																																																																																						
<p><b>Langkah 2 :</b> Kemudian, tambahkan satu garisan.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td></td><td></td><td></td><td><math>\ell</math></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td><math>\text{m}\ell</math></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>5</td><td></td><td></td><td></td><td>3</td><td>0</td><td>0</td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td><math>\times</math></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>2</td><td>4</td> </tr> <tr> <td colspan="10" style="border-top: 2px solid black;"></td> </tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>				$\ell$					$\text{m}\ell$					5				3	0	0			$\times$						2	4																																																																																
			$\ell$					$\text{m}\ell$																																																																																																							
			5				3	0	0																																																																																																						
		$\times$						2	4																																																																																																						

<p><b>Langkah 3 :</b> Letakkan BBM “<i>Flip and Found</i>” ke atas petak tersebut dengan memastikan garisan pada “<i>Flip and Found</i>” selaras dengan garisan yang dilukis pada petak.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <thead> <tr> <th></th> <th colspan="3"><math>\ell</math></th> <th colspan="3"><math>m\ell</math></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td>5</td> <td></td> <td>3</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>×</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td style="background-color: #f08080;">0</td> <td>4</td> </tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> </tbody> </table>		$\ell$			$m\ell$					5		3	0	0	×					0	4																																																																																				
	$\ell$			$m\ell$																																																																																																						
		5		3	0	0																																																																																																				
×					0	4																																																																																																				
<p><b>Langkah 4 :</b> Seterusnya, lakukan operasi darab di bahagian <math>m\ell</math>, iaitu 300 <math>m\ell</math> darab dengan “4” pada nilai tempat “sa”. Pada masa yang sama, lakukan operasi darab di bahagian liter, iaitu 5 <math>\ell</math> darab dengan “4” pada nilai tempat “sa”.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <thead> <tr> <th></th> <th colspan="3"><math>\ell</math></th> <th colspan="3"><math>m\ell</math></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td>5</td> <td></td> <td>3</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>×</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td style="background-color: #f08080;">0</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td></td> <td>2</td> <td>0</td> <td></td> <td>1</td> <td>2</td> <td>0</td> </tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> </tbody> </table>		$\ell$			$m\ell$					5		3	0	0	×					0	4		2	0		1	2	0																																																																													
	$\ell$			$m\ell$																																																																																																						
		5		3	0	0																																																																																																				
×					0	4																																																																																																				
	2	0		1	2	0																																																																																																				
<p><b>Langkah 5 :</b> Belekkkan petak berwarna merah jambu ke sebelah kanan. Kad berwarna merah jambu mewakili “0” supaya murid dapat memahami konsep pendaraban yang melibatkan nilai tempat “sa” dan “puluh” secara inkuiri penemuan. Ini dapat mengelakkan murid menganggap nilai tersebut adalah “2” sahaja. Sebenarnya, nilainya yang tepat ialah “20”.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <thead> <tr> <th></th> <th colspan="3"><math>\ell</math></th> <th colspan="3"><math>m\ell</math></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td>5</td> <td></td> <td>3</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>×</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td style="background-color: #f08080;">2</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td></td> <td>2</td> <td>0</td> <td></td> <td>1</td> <td>2</td> <td>0</td> </tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> </tbody> </table>		$\ell$			$m\ell$					5		3	0	0	×					2	0		2	0		1	2	0																																																																													
	$\ell$			$m\ell$																																																																																																						
		5		3	0	0																																																																																																				
×					2	0																																																																																																				
	2	0		1	2	0																																																																																																				
<p><b>Langkah 6 :</b> Lakukan operasi darab seperti pendaraban nombor. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah semasa melakukan pendaraban di bahagian liter, harus jelas bahawa 5 adalah didarabkan dengan 20, iaitu memberikan hasil 100. Kemudian, dapatkan hasil tambah di bahagian mililiter dan liter.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <thead> <tr> <th></th> <th colspan="3"><math>\ell</math></th> <th colspan="3"><math>m\ell</math></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td>5</td> <td></td> <td>3</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>×</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td>2</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td></td> <td>2</td> <td>0</td> <td></td> <td>1</td> <td>2</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>+</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>+</td> <td>6</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td></td> <td>1</td> <td>2</td> <td>0</td> <td></td> <td>7</td> <td>2</td> </tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> <tr><td colspan="7"> </td></tr> </tbody> </table>		$\ell$			$m\ell$					5		3	0	0	×					2	0		2	0		1	2	0	+	1	0	0	+	6	0		1	2	0		7	2																																																															
	$\ell$			$m\ell$																																																																																																						
		5		3	0	0																																																																																																				
×					2	0																																																																																																				
	2	0		1	2	0																																																																																																				
+	1	0	0	+	6	0																																																																																																				
	1	2	0		7	2																																																																																																				

<p><b>Langkah 7 :</b>                  Disebabkan hasil tambah di bahagian mililiter telah melebihi 1000 mℓ, maka pengumpulan semula perlu dilakukan.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>ℓ</td><td></td><td></td><td></td><td>mℓ</td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>5</td><td></td><td></td><td></td><td>3 0 0</td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td>×</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>2</td><td style="background-color: #f08080;"></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>2 0</td><td></td><td></td><td>1 2 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td>+</td><td>1 0 0</td><td></td><td></td><td>+</td><td>6 0 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>1 2 0</td><td></td><td></td><td>7 2 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td>+</td><td></td><td>7</td><td></td><td>-</td><td>7 0 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>1 2 7</td><td></td><td></td><td>2 0 0</td><td></td><td></td> </tr> </table>				ℓ				mℓ					5				3 0 0				×					2					2 0			1 2 0 0				+	1 0 0			+	6 0 0 0						1 2 0			7 2 0 0				+		7		-	7 0 0 0						1 2 7			2 0 0		
			ℓ				mℓ																																																																		
			5				3 0 0																																																																		
		×					2																																																																		
			2 0			1 2 0 0																																																																			
	+	1 0 0			+	6 0 0 0																																																																			
			1 2 0			7 2 0 0																																																																			
	+		7		-	7 0 0 0																																																																			
			1 2 7			2 0 0																																																																			
<p><b>Langkah 8 :</b>                  Selepas BBM “<i>Flip and Found</i>” dialihkan, jawapan akhir yang diperolehi ialah 127 ℓ 200 mℓ.</p> <p>Maka,  <math>5 \ell \ 300 \text{ m}\ell \times 24 = 127 \ell \ 200 \text{ m}\ell</math></p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>ℓ</td><td></td><td></td><td></td><td>mℓ</td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>5</td><td></td><td></td><td></td><td>3 0 0</td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td>×</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>2 4</td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>2 0</td><td></td><td></td><td>1 2 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td>+</td><td>1 0 0</td><td></td><td></td><td>+</td><td>6 0 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>1 2 0</td><td></td><td></td><td>7 2 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td>+</td><td></td><td>7</td><td></td><td>-</td><td>7 0 0 0</td><td></td><td></td> </tr> <tr> <td></td><td></td><td></td><td>1 2 7</td><td></td><td></td><td>2 0 0</td><td></td><td></td> </tr> </table>				ℓ				mℓ					5				3 0 0				×					2 4					2 0			1 2 0 0				+	1 0 0			+	6 0 0 0						1 2 0			7 2 0 0				+		7		-	7 0 0 0						1 2 7			2 0 0		
			ℓ				mℓ																																																																		
			5				3 0 0																																																																		
		×					2 4																																																																		
			2 0			1 2 0 0																																																																			
	+	1 0 0			+	6 0 0 0																																																																			
			1 2 0			7 2 0 0																																																																			
	+		7		-	7 0 0 0																																																																			
			1 2 7			2 0 0																																																																			

Berdasarkan lembaran kerja yang diselesaikan oleh peserta kajian dalam Kitaran 1, didapati bahawa masih terdapat seorang peserta kajian yang belum menguasai kemahiran pendaraban isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit. Masalah yang dihadapi oleh peserta kajian tersebut ialah tidak meletakkan digit “0” pada nilai tempat di bahagian liter. Oleh itu, pengkaji mengubahsuaikan BBM “*Flip and Found*” dengan menambahkan digit “0” pada kad kecil yang berwarna merah jambu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 dan digunakan pada amalan pengajaran dalam Kitaran kedua. Melalui penambahbaikan ini, bukan sahaja dapat lebih mengingatkan peserta kajian supaya menambahkan “0” sewaktu melakukan pendaraban yang melibatkan nilai tempat di bahagian liter, bahkan dapat menguasai kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit.



Rajah 3. Pengubahsuaian “*Flip and Found*”

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual separa struktur dan analisis dokumen untuk mengumpul data. Pengkaji menggunakan borang senarai semak pemerhatian untuk mengesan penguasaan murid terhadap kemahiran tersebut selepas amalan pengajaran menggunakan “*Flip and Found*”. Dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2, pengkaji menjalankan pemerhatian sebanyak dua kali terhadap peserta kajian

yang berkenaan. Bilangan peserta kajian yang memberi respon “Ya” pada setiap perkara yang dinyatakan dalam borang senarai semak pemerhatian dikira dan dirumuskan.

Peserta kajian ditemu bual untuk mendapatkan respon terhadap amalan pengajaran dengan menggunakan BBM “*Flip and Found*”. Pengkaji menggunakan borang analisis temu bual untuk membuat analisis hasil temu bual dengan semua peserta kajian. Dalam kajian tindakan ini, data temu bual peserta kajian dianalisis dengan penentuan kod pada segmen-segmen transkrip temu bual yang dihasilkan. Kemudian, pengkaji menghuraikan dan memberikan penjelasan bagi setiap segmen penting yang dirumuskan dalam bentuk jadual secara kualitatif. Dalam analisis dokumen, murid perlu menjawab empat soalan daripada empat soalan yang dikemukakan dengan tepat untuk dikategorikan sebagai telah menguasai dengan sepenuhnya terhadap kemahiran yang diuji.


## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Penguasaan Murid Dalam Kemahiran Mendarab Isi Padu Cecair Melibatkan Liter dan Mililiter


Berdasarkan Lembaran Kerja 2 dalam Kitaran 1, didapati empat orang peserta kajian (R2, R3, R4 dan R5) menjawab kelima-lima soalan dengan betul dan mencapai tahap menguasai selepas amalan pengajaran menggunakan “*Flip and Found*” (Rajah 4). Manakala masih terdapat seorang peserta kajian (R1) yang belum menguasai dan amalan pengajaran pengkaji menggunakan BBM ditambahbaik dan dilaksanakan dalam kajian Kitaran 2.

Kitaran 2 diteruskan untuk amalan pengajaran bagi peserta R1 dalam menguasai kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit. Tambahan pula, kitaran 2 juga dijalankan untuk membantu peserta kajian mengukuhkan lagi konsep pendaraban mereka, khususnya di bahagian liter selepas amalan pengajaran menggunakan “*Flip and Found*” yang ditambahbaik. Rajah 5 menunjukkan semua peserta kajian dapat menguasai kemahiran ini dalam Kitaran 2.

Menurut Christopher Lu Wei Wang (2012), terdapat pelbagai jenis kaedah yang boleh digunakan untuk menjalankan pemerhatian, iaitu mengambil gambar dan video, senarai semak dan rekod anekdot. Dalam pemerhatian yang dilaksanakan, berdasarkan perkara pertama dalam Jadual 2 bagi Kitaran 1, didapati bahawa terdapat empat daripada lima peserta kajian dapat memberi jawapan yang betul terhadap soalan-soalan yang berkaitan dengan pendaraban isi padu cecair semasa PdPc dijalankan. Manakala R1 masih belum dapat memberi jawapan yang betul sewaktu menjawab soalan-soalan yang berkaitan semasa PdPc. Pada Kitaran 2, pengkaji mendapati bahawa semua peserta kajian dapat memberi jawapan yang betul terhadap soalan-soalan yang berkaitan dengan pendaraban isi padu cecair semasa PdPc diadakan.



Rajah 4. Bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam Kitaran 1



Rajah 5. Bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam Kitaran 2

Bagi perkara kedua dalam Jadual 2, terdapat tiga daripada lima peserta kajian, iaitu R2, R3 dan R5 dapat menggunakan “*Flip and Found*” untuk menjawab soalan-soalan dalam lembaran kerja dengan betul tanpa bantuan rakan-rakan atau pengkaji dalam Kitaran 1. Terdapat dua peserta kajian yang masih memerlukan bantuan daripada rakan-rakan dan pengkaji sewaktu menggunakan “*Flip and Found*” untuk menjawab soalan pendaraban isi padu cecair dalam lembaran kerja sewaktu Kitaran 1 dijalankan. Walaubagaimanapun, semasa Kitaran 2, kelima-lima peserta kajian berjaya menjawab soalan lembaran kerja dengan betul tanpa bantuan rakan-rakan atau pengkaji dengan menggunakan “*Flip and Found*”.

Jadual 2

Hasil pemerhatian peserta kajian dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Bil.	Perkara	Bilangan Peserta Yang Memberikan Respon “Ya”	
		Kitaran 1	Kitaran 2
1	Peserta kajian memberi jawapan yang betul terhadap soalan yang berkaitan dengan pendaraban isi padu cecair semasa sesi PdPc diadakan	4	5
2	Peserta kajian menggunakan “ <i>Flip and Found</i> ” untuk menjawab soalan-soalan pendaraban isi padu cecair dalam lembaran kerja dengan betul tanpa bantuan rakan-rakan atau guru	3	5

Menurut Ramy Lah (2015), temu bual merupakan cara di mana pengkaji bersemuka dengan murid bagi mendapatkan maklum balas daripada murid. Data temu bual turut digunakan untuk menganalisis penguasaan peserta kajian terhadap kemahiran mendarab isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit, iaitu memahami konsep pendaraban yang melibatkan nilai tempat di bahagian liter dengan menggunakan “*Flip and Found*”. Soalan 3 dalam borang temu bual difokuskan bagi menganalisis aspek ini. Jadual 3 menunjukkan analisis transkrip temu bual bagi soalan 3 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2, manakala Jadual 4 menunjukkan analisis bagi soalan 4 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 3

Analisis transkrip temu bual bagi Soalan 3 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Soalan 3 : Adakah anda berasa lebih mudah dan berkesan sekiranya menggunakan “ <i>Flip and Found</i> ” untuk menyelesaikan pendaraban isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit ? Mengapa ?			
Kitaran 1	Kod	Kitaran 2	Kod
“...lebih mudah...Sebab dapat mengingati saya tentang nilai tempat di bahagian liter” (R2, R3, R4, R5)	1	“...sangat mudah...Sebab dapat mengingati saya untuk menambahkan sifar pada nilai tempat puluh di bahagian liter” (R1, R2, R3, R5)	1
“...ya, lebih mudah...Sebab dapat membantu saya melakukan pendaraban isi padu cecair dengan betul” (R1)	1	“...sangat mudah...Sebab mengelakkan saya daripada melakukan kesilapan di bahagian ” (R4)	1
Kod 1 : Lebih Mudah/ Sangat mudah <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ya, lebih mudah</li> </ul> Kod 2 : Tidak			

Jadual 4

Analisis transkrip temu bual bagi Soalan 4 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Soalan 4 : Apakah perasaan anda sama ada yakin atau tidak selepas menggunakan “ <i>Flip and Found</i> ” untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan kemahiran Mendarab Isi Padu Cecair Melibatkan Liter dan Mililiter dengan Penukaran Unit ?			
Kitaran 1	Kod	Kitaran 2	Kod
“...ya, yakin...” (R2, R3, R4)	1	“...sangat yakin...” (R1, R2, R4)	1
“...yakin ...” (R1, R5)	1	“...yakin dan bersemangat...” (R3, R5)	1
Kod 1 : Yakin/ Sangat yakin <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ya, yakin/ bersemangat</li> </ul> Kod 2 : Tidak			

Jadual 4 menunjukkan bahawa semua peserta kajian berasa soalan yang berkaitan dengan pendaraban isi padu cecair dapat diselesaikan dengan lebih mudah atau sangat mudah dengan amalan pengajaran menggunakan “*Flip and Found*”. Selanjutnya, Jadual 4 menunjukkan amalan pengajaran dengan penggunaan “*Flip and Found*”, semua peserta kajian yakin dan bersemangat untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan isi padu cecair. Berdasarkan hasil dapatan temu bual dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2, jelas bahawa semua peserta kajian adalah bersifat positif, berasa yakin dan mudah sewaktu menggunakan “*Flip and Found*” untuk menyelesaikan soalan pendaraban isi padu cecair.

### Minat Murid Terhadap Soalan Melibatkan Kemahiran Mendarab Isi Padu Cecair Melibatkan Liter dan Mililiter

Jadual 5 menunjukkan hasil pemerhatian peserta kajian. Berdasarkan Jadual 5, bagi perkara 1 dalam Kitaran 1, pengkaji mendapati terdapat empat peserta kajian (R2, R3, R4 dan R5) aktif melibatkan diri dan menunjukkan rasa keseronokan dalam PdPc sewaktu menjawab soalan dengan menggunakan “*Flip and Found*”. Bagi Kitaran 2 pula, kesemua peserta kajian aktif melibatkan diri dan menunjukkan rasa keseronokan dalam PdPc



sewaktu menjawab soalan yang berkaitan. Seterusnya, dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2, pengkaji mendapati bahawa kelima-lima peserta kajian (R1, R2, R3, R4 dan R5) menggunakan cara “*Flip and Found*” untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan pendaraban isi padu cecair dalam lembaran kerja. Ini bermaksud, terdapat peningkatan bilangan peserta kajian yang menunjukkan reaksi secara positif dalam keadaan yang dicatatkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

*Hasil pemerhatian peserta kajian dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2*

Bil.	Perkara	Bilangan Peserta Yang Memberikan Respon “Ya”	
		Kitaran 1	Kitaran 2
1	Peserta kajian aktif melibatkan diri dan menunjukkan rasa keseronokan dalam PdPc sewaktu menjawab soalan dengan menggunakan “ <i>Flip and Found</i> ”	4	5
2	Peserta kajian menggunakan cara “ <i>Flip and Found</i> ” untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan pendaraban isi padu cecair dalam lembaran kerja	5	5

Di samping itu, pengkaji juga menggunakan temu bual untuk mengenal pasti minat peserta kajian terhadap soalan Matematik yang berkaitan dengan pendaraban isi padu cecair dengan amalan pengajaran menggunakan “*Flip and Found*”. Terdapat beberapa soalan temu bual yang dikemukakan kepada semua peserta kajian. Respon dan reaksi daripada semua peserta kajian dicatatkan dan dianalisis secara kualitatif. Transkrip temu bual dihasilkan dan dianalisis dengan menggunakan kaedah pengekodan. Justeru, maklum balas yang diberikan oleh setiap peserta kajian dianalisis mengikut tema yang berkaitan. Jadual 6 menunjukkan analisis transkrip temu bual bagi Soalan 1 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Berdasarkan Jadual 6, kelima-lima peserta kajian berasa menarik dan seronok semasa amalan pengajaran menggunakan “*Flip and Found*” sewaktu menyelesaikan soalan pendaraban isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit. Sebab peserta kajian menarik dan seronok dengan penggunaan “*Flip and Found*” dalam langkah penyelesaian pendaraban isi padu cecair dikenal pasti daripada peserta kajian (R1, R2 dan R5), iaitu ada kad berwarna merah jambu yang boleh dibeleg-belegkan pada “*Flip and Found*”. Tambahan pula, peserta kajian (R1, R3, R4) turut berkata bahawa “*Flip and Found*” senang digunakan untuk membantu mereka menjawab soalan dengan betul. Di samping itu, secara keseluruhannya dalam Kitaran 2, semua peserta kajian memberi maklum balas bahawa sebab mereka berasa menarik dan seronok semasa menggunakan “*Flip and Found*” adalah disebabkan mereka dapat menjawab soalan dengan lebih senang, mudah, cepat dan betul. Seterusnya, Jadual 7 menunjukkan analisis transkrip temu bual bagi Soalan 2 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 6

*Analisis transkrip temu bual bagi Soalan 1 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2*

Soalan 1 : Adakah anda berasa menarik dan seronok sewaktu menggunakan “ <i>Flip and Found</i> ” sewaktu menyelesaikan soalan pendaraban Isi Padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit ? Mengapa ?
--

<b>Peserta Kajian</b>	<b>Kitaran 1</b>	<b>Kod</b>
<b>R1</b>	“... <b>menarik</b> dan <b>senorok</b> , boleh ada warna pada kad “ <i>Flip and Found</i> ” dan senang digunakan...”	<b>1</b>
<b>R2</b>	“... <b>seronok</b> dan <b>menarik</b> , sebab mempunyai kad berwarna yang boleh dibelek-belekan pada “ <i>Flip and Found...</i> ”	<b>1</b>
<b>R3</b>	“...sangat <b>menarik</b> dan <b>senorok</b> , sebab senang digunakan untul menjawab soalan ...”	<b>1</b>
<b>R4</b>	“... <b>Ya, menarik</b> dan <b>senorok</b> , sebab senang digunakan dan boleh membantu saya dalam menjawab soalan dengan betul...”	<b>1</b>
<b>R5</b>	“... <b>menarik</b> dan <b>senorok</b> , sebab “ <i>Flip and Found</i> ” mempunyai kad yang berwarna merah jambu...”	<b>1</b>
Kod 1 : Menarik dan seronok ➤ Ya, menarik dan seronok Kod 2 : Tidak		
<b>Peserta Kajian</b>	<b>Kitaran 2</b>	<b>Kod</b>
<b>R1</b>	“... <b>menarik</b> dan <b>senorok</b> , sebab dapat menjawab soalan dengan senang dan mudah...”	<b>1</b>
<b>R2</b>	“... <b>seronok sekali</b> dan <b>menarik</b> , sebab senang untuk dapat jawapan yang betul...”	<b>1</b>
<b>R3</b>	“...sangat <b>menarik</b> dan <b>senorok</b> , sebab saya dapat menjawab soalan dengan lebih cepat...”	<b>1</b>
<b>R4</b>	“... <b>Ya, menarik</b> dan <b>senorok</b> , sebab boleh membantu saya dalam menjawab soalan dengan lebih betul...”	<b>1</b>
<b>R5</b>	“... <b>menarik</b> dan <b>senorok</b> , sebab boleh membelek-belekan kad berwarna semasa mencari jawapan...”	<b>1</b>
Kod 1 : Menarik dan seronok ➤ Ya, menarik dan seronok Kod 2 : Tidak		

Jadual 7

Analisis transkrip temu bual bagi Soalan 2 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Soalan 2 : Adakah anda ingin / mahu menggunakan “ <i>Flip and Found</i> ” untuk menyelesaikan soalan yang berkaitan pendaraban Isi Padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit ?			
<b>Kitaran 1</b>	<b>Kod</b>	<b>Kitaran 2</b>	<b>Kod</b>
“... <b>mahu ...</b> ” (R2, R3, R4, R5)	<b>1</b>	“... <b>ya,mahu ...</b> ” (R2, R3, R5)	<b>1</b>
“... <b>ingin sekali...</b> ” (R1)	<b>1</b>	“... <b>mahu...</b> ” (R1, R4)	<b>1</b>
Kod 1 : Mahu / Ingin sekali ➤ Ya, mahu Kod 2 : Tidak			

Berdasarkan Jadual 7, pengkaji mendapati bahawa semua peserta kajian memberi respon dan maklum balas bahawa mereka mahu dan ingin sekali menggunakan “*Flip and Found*” untuk menyelesaikan soalan yang berkaitan pendaraban isi padu cecair melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Selain kemahiran pendaraban isi padu cecair, “*Flip and Found*” dicadangkan untuk digunakan dalam pelaksanaan kurikulum Matematik Tahun 4 yang melibatkan topik Panjang dan topik Jisim. Dalam topik Panjang, murid-murid boleh menggunakan “*Flip and Found*” untuk menyelesaikan soalan pendaraban yang melibatkan sentimeter dan millimeter serta kilometer dan meter. Begitu juga dengan topik Jisim, murid-murid boleh menggunakan “*Flip and Found*” untuk menyelesaikan soalan pendaraban yang melibatkan kilogram dan gram.

## PENUTUP

Secara kesimpulannya, amalan pengajaran menggunakan BBM “*Flip and Found*” berjaya membantu murid-murid belajar Matematik dengan lebih aktif dan dapat merangsangkan murid-murid yang belajar secara visual dan kinestetik. Oleh itu, perubahan amalan pengajaran dengan penggunaan “*Flip and Found*” dalam kemahiran pendaraban isi padu cecair yang melibatkan liter dan mililiter dengan penukaran unit telah meningkatkan penguasaan murid dan membantu murid memupuk minat terhadap soalan Matematik yang melibatkan kemahiran ini.

## RUJUKAN

- Chan Yaw Jong. (2011). Refleksi pembelajaran tentang teknik menyemak data dalam pelaksanaan penyelidikan pindahan Bertajuk “Penggunaan Kotak Ajaib dan Lattice dalam meningkatkan penguasaan pendaraban murid Tahun Lima”. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2011*. 5(1): 63-69.
- Christopher Lu Wei Wang. (2012). Kesan penggunaan bahan bantu mengajar visual dalam pengajaran subjek Sains Tahun Tiga. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*. 1(1): 87-101.
- Lee Chiong Wee. (2012). Pembelajaran visual dalam usaha meningkatkan tahap kefahaman murid prasekolah. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*. 1(1): 85-97.
- Lim Ai Giok. (2015). Membantu murid mendarab sebarang nombor dengan 2 digit nombor dengan penggunaan Teknik Tiang. *Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Meor Ibrahim Kamaruddin & Assaadah Mohamad. (2011). Kajian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar UTM. *Journal of Education Psychology and Counseling*. 2(1): 51-77.
- Mohd Rino Mohd Johari. (2019). Keberkesanan Penggunaan I-Koam Dalam Matematik Dan Impak Terhadap Tingkahlaku Introvert Murid Pemulihan Khas. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019)*. 29 Ogos. 1(1). Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 91-99.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Bil. 2 Isu 1. 1 – 10.
- Norfarizah Mohd Bakhir & Mohd Zazril Ikmal Zamri. (2017). Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan papan pelbagai sentuh untuk pembelajaran Sains Tahun Tiga. *Malaysian Journal Of Creative Media, Design And Technology*. Vol.1 No.6. 1 – 6.
- Nur Aniza Elias & Roslinda Rosli. (2016). Penggunaan Kaedah Titik Meningkatkan Penguasaan Murid Dalam Operasi Darab. *Proceeding of ICECRS*. 1(1). 25-26 Oktober. Sabah: Universiti Utara Malaysia. 1129-1136.
- Ramy Lah. (2015). Membantu murid Tahun 3 mendarab sebarang dua nombor dengan menggunakan pola sifir 6. *Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Then Moli Kanippan. (2013). Kemahiran dan amalan penulisan refleksi dalam kalangan guru di tiga buah sekolah menengah di Daerah Johor Bahru. *Laporan Projek Sarjana Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

## I-THINK: PEMBELAJARAN TOPIK PERATUS DAN TOPIK WANG

**TAN YOONG MING<sup>1</sup>, HU LAEY NEE<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak

<sup>1</sup>tanyoongming@yahoo.com, <sup>2</sup>huln1234@gmail.com

### ABSTRAK

Transformasi minda dalam pendidikan penting untuk menangani cabaran pendidikan abad ke-21. Dalam konteks Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21), alat berfikir seperti i-THINK telah diperkenalkan untuk membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah melahirkan murid yang berinovatif, kreatif dan kritis. Persembahan i-THINK secara visual dalam lapan bentuk adalah mudah diaplikasikan dan difahami merentas kurikulum. Setiap bentuk i-THINK mempunyai proses pemikiran tersendiri dan boleh disesuaikan mengikut konteks pembelajaran. Melalui i-THINK, seseorang guru mampu mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir untuk melahirkan murid yang mampu bersaing di peringkat global. Daya ingatan murid dan pemahaman terhadap konsep juga ditingkatkan dengan pengaplikasian i-THINK dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Dengan itu, suatu pembelajaran abad ke-21 yang bermakna dan menyeronokkan dapat diwujudkan. Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu murid-murid Tahun 4 dalam pembelajaran topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK. Penyelidikan tindakan ini menggunakan model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Seramai 13 orang murid dari sebuah sekolah rendah di kawasan Bandaraya Miri dipilih sebagai peserta kajian dalam kajian ini. Data dikumpul melalui tiga kaedah iaitu dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa perubahan amalan PdPc pengkaji melalui i-THINK mendatangkan kesan positif kepada PdPc. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan i-THINK dapat meningkatkan penguasaan dan keyakinan murid dalam menjawab soalan dalam topik Peratus dan topik Wang. Maka perubahan amalan PdPc dengan menggunakan i-THINK boleh dijadikan suatu amalan yang baik di dalam bilik darjah.

Kata kunci: i-THINK, PdPc, Peratus, Wang

### ABSTRACT

*The transformation of mind in education is essential to address the challenges of education in the 21<sup>st</sup> century. The content of 21<sup>st</sup> Century Learning (PAK21), thinking tools like i-THINK have been introduced to develop students' thinking skills to create innovative, creative and critical learners. i-THINK is a visual tool for learning. There are eight visual patterns linked to a specific cognitive process and it is easy to understand and apply across the curriculum. i-THINK can be applied based on the teaching contents. A teacher is able to promote and boost thinking skills to produce globally competent student. Students' memory and conceptual understanding can also be enhanced by using i-THINK in Learning and Facilitation (PdPc). Thus, this can make learning fun, accessible and meaningful. This action research is carried out to help Year 4 students in learning the topic of Percentage and Money by using i-THINK. This research uses Stephen Kemmis (1983) action research model. A total of 13 students were selected from a primary school within Miri area as the participants in this study. The data was collected in three ways, including observations, interview and document. Data obtained showed that the changing in teaching and learning practice has given a positive impression to researcher as teacher and students as participants. Data also indicate that the use of i-THINK can increase students' proficiency and confidence in answering questions in topic Percentage and topic Money. Hence, changing teaching and learning practice with i-THINK is a good classroom practice.*

*Keyword: i-THINK, PdPc, Percentage, Money*

## **PENGENALAN**


Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program i-THINK untuk menghasilkan murid yang kritis, kreatif dan inovatif (Linawati, Lina Adiman, & Sharifah Nor Puteh, 2017). i-THINK merupakan satu alat berfikir yang dipersembahkan dalam lapan bentuk berlainan secara visual. Setiap bentuk i-THINK mempunyai proses pemikiran tersendiri dan boleh disesuaikan mengikut konteks pembelajaran yang disampaikan. Melalui i-THINK, isi-isi utama dapat dikembangkan sehingga ranting pecahan kecil yang mudah difahami. i-THINK dapat menggalakkan kemahiran berfikir (Laura, 2011) malahan menggabungkan proses pembelajaran secara kognitif dan persembahan maklumat secara visual dalam bentuk grafik (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). i-THINK bukan kurikulum yang baru (Kavitha Karagaratnan, 2015) tetapi wajar diaplikasikan ke dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Matematik untuk mewujudkan PdPc yang lebih bermakna.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Penggunaan i-THINK membawa banyak manfaat dalam pembelajaran murid terutamanya dalam proses pemikiran (Siti Ruzila Hassan, Roslinda Rosli, & Effandi Zakaria., 2016). Pengkaji telah menggunakan i-THINK dalam praktikum fasa 1. Contohnya, murid-murid dikehendaki untuk memberikan contoh-contoh operasi bergabung melibatkan isipadu cecair yang sesuai untuk melengkapkan peta buih. Aktiviti-aktiviti kumpulan dan lembaran kerja yang berelemenkan i-THINK juga disediakan. Namun, pengkaji bersedar kekerapan penggunaan i-THINK dalam pengajarannya masih rendah dan tidak mencukupi. Ini bukan satu isu baru kerana menurut Kamaruddin Abu Hassan, Jamilah Osman, Zuraidah Bahrin dan Fatimah Mustaffa (2011), penggunaan i-THINK adalah terhad disebabkan oleh kekurangan kemahiran dan pengetahuan guru untuk mengaplikasikannya. Guru mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang kepentingan i-THINK tetapi tahap kesediaan guru dalam mengimplimentasikan i-THINK dalam PdPc agak rendah.

Sebilangan guru didapati tidak menggunakan strategi abad ke-21 sebaliknya bergantung pada bahan seperti buku teks, buku aktiviti dan lembaran kerja untuk mengajar Matematik. Dapatan Norsyaidah Seliaman (2017) juga menunjukkan terdapat sebilangan guru Matematik yang masih menggunakan kaedah tradisional iaitu berpusatkan guru untuk mengajar. Satu jurang antara kurikulum yang dihasratkan (penerapan i-THINK) dengan kurikulum yang dilaksanakan (tanpa i-THINK) telah berlaku di dalam bilik darjah. Topik Peratus dan topik Wang penting untuk dipelajari namun miskonsepsi dan kesukaran murid misalnya peratus mewakili membahagi (Baratta, Price, Stacey, Steinle, & Gvozdenko, 2010) serta tidak ada contoh-contoh i-THINK dalam kedua-dua topik tersebut dalam buku teks Matematik Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah mempengaruhi PdPc yang dilaksanakan.

Beberapa data awal dikumpulkan sebelum penyelidikan dilaksanakan. Segelintir murid didapati tidak dapat menyelesaikan soalan dalam bentuk i-THINK dengan betul. Contohnya, mereka membiarkan kosong dalam ruang yang disediakan kerana mereka tidak tahu jawapan yang sesuai untuk diisikan dalam peta buih tersebut seperti Rajah 1. Sebilangan murid juga didapati keliru, menyalin soalan semula atau tidak mengetahui makna jawapan yang dituliskan dalam sesuatu bentuk i-THINK. Murid-murid dibuktikan belum menyesuaikan diri semasa menyelesaikan soalan Matematik dalam bentuk i-THINK.



Rajah 1. Soalan operasi bergabung isipadu cecair yang tidak dijawab oleh murid

### FOKUS KAJIAN

Memandangkan penggunaan i-THINK dalam PdPc Matematik adalah tidak mencukupi, keterbatasan penggunaan i-THINK serta isu topik Peratus dan topik Wang, maka fokus kajian pengkaji ialah penggunaan i-THINK dalam membantu murid-murid Tahun 4 dalam pembelajaran topik Peratus dan topik Wang. Pengkaji berharap dapat mengubah amalan pengajaran di samping mewujudkan suasana PdPc Matematik yang lebih berinformasi, menjimatkan masa dan bahan serta menyeronokkan murid-murid melalui i-THINK. Penggunaan i-THINK juga diharapkan dapat membantu murid-murid memahami konsep dan kemahiran topik Peratus dan topik Wang secara menyeluruh dan mendalam.

### OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai tiga objektif iaitu:

- Menambah baik amalan PdPc Matematik dalam pengajaran topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK.
- Membantu meningkatkan penguasaan murid dalam konsep Peratus dan Wang melalui i-THINK.
- Membantu meningkatkan keyakinan murid dalam menjawab soalan topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK.

Tiga soalan kajian tindakan ini adalah:

- Bagaimanakah penambahbaikan amalan PdPc dalam topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK?
- Bagaimanakah penguasaan murid dalam konsep Peratus dan Wang dapat ditingkatkan melalui i-THINK?
- Bagaimanakah membantu meningkatkan keyakinan murid dalam menjawab soalan topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK?

### PESERTA KAJIAN

Penyelidikan ini dilaksanakan di sebuah sekolah rendah sekitar Bandaraya Miri. Satu latihan yang melibatkan soalan topik Peratus dan topik Wang Tahun 3 dalam bentuk i-THINK diedarkan kepada murid-murid Tahun 4 supaya dapat mengenal pasti isu yang berlaku. Murid yang gagal mendapat 12 markah daripada 14 markah atau ke atas (<80%)

dikategorikan sebagai peserta kajian dalam penyelidikan tindakan ini. Tafsiran tersebut adalah berdasarkan aras masteri (80%) yang ditetapkan (Subdrah Madhawa Nair, & Sakunthala Devi Gopal, 2014). Seramai 13 orang murid dipilih sebagai peserta kajian kerana prestasi mereka dalam latihan belum mencapai tahap penguasaan yang minimum.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN


Penyelidikan ini dilaksanakan berpandukan model Stephen Kemmis (1983). Berdasarkan Model Stephen Kemmis (1983), setiap kitaran lengkap mengandungi empat langkah iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek (Mok, 2010). i-THINK juga digunakan mengikut kesesuaian kemahiran yang disampaikan. Manakala Model Slavin (1994) digunakan untuk mengenal pasti perubahan amalan PdPc yang dilaksanakan. Pengkaji telah melaksanakan perubahan amalan PdPc yang dirancang dalam dua kitaran.

### Kitaran Pertama


Dalam peringkat merancang, aktiviti-aktiviti PdPc menggunakan i-THINK dirancang sebagai perubahan amalan PdPc pengkaji. Peserta dibahagikan kepada empat kumpulan heterogen untuk mengaplikasikan konsep *scaffolding* dan menggalakkan pembelajaran kolaboratif melalui i-THINK. Nota i-THINK juga disediakan dan diedarkan kepada semua peserta. Pengkaji merancang menggunakan i-THINK dalam PdPc untuk merumuskan konsep yang diajar seperti contoh dalam Rajah 2. i-THINK juga digunakan untuk menguruskan proses pengiraan seperti dalam Rajah 3 dan merumuskan pengajaran seperti dalam Rajah 4. Aktiviti kumpulan, permainan kecil dan lembaran kerja juga diterapkan elemen i-THINK supaya peserta-peserta lebih memahami i-THINK dan dapat belajar melalui i-THINK.

Pengkaji melaksanakan perubahan amalan pengajaran untuk membimbing peserta mempelajari topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK. Bentuk-bentuk i-THINK didedahkan kepada para peserta sebelum PdPc berelemenkan i-THINK dilaksanakan. Data-data pemerhatian, temu bual dan markah peserta dalam empat set lembaran kerja dikumpulkan untuk tujuan penganalisan tindakan yang dilaksanakan.


Data-data dikumpulkan lalu dianalisis untuk menilai kekuatan dan kelemahan tindakan yang dilaksanakan. Senarai semak pemerhatian berstruktur dan rakaman video digunakan untuk menganalisis data pemerhatian. Selain itu, data temu bual dianalisis secara tema selepas transkripsi dihasilkan. Penilaian terhadap penguasaan peserta bagi topik Peratus dan topik Wang dilakukan berdasarkan markah mereka dalam lembaran kerja dan kriteria yang ditetapkan.



Rajah 2. Peta bulatan memaparkan hubungan antara peratus dan nombor perpuluhan



Rajah 3. Peta aliran memaparkan langkah-langkah menentukan bundaran Ringgit



Rajah 4. Peta buih berganda memaparkan perbandingan dua jenis bundaran

Berdasarkan hasil analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelemahan dalam tindakan yang dilaksanakan. Lima orang peserta (R2, R7, R8, R9 dan R11) masih belum biasa dengan PdPc berelemenkan i-THINK. Kelemahan lain termasuk kekurangan ruang pengiraan pada lembaran kerja serta peserta memerlukan masa panjang untuk menjawab soalan dalam bentuk i-THINK. Justeru, kajian diteruskan untuk semua peserta bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut malah menambahbaikkan amalan PdPc pengkaji.


### Kitaran kedua

Dalam peringkat merancang kitaran kedua, pengkaji menambah baik daripada beberapa aspek. i-THINK masih digunakan untuk menambahbaik amalan PdPc pengkaji. Contohnya, Rajah 5 menunjukkan penggunaan peta alir untuk penyelesaian masalah melibatkan wang. Ruang pengiraan juga dirancang untuk disediakan dalam lembaran kerja. Peserta perlu menuliskan langkah-langkah pengiraan di ruang yang disediakan untuk melengkapkan bentuk i-THINK tersebut. Peserta juga akan dibahagikan kepada tiga kumpulan pemulihan dan satu kumpulan pengayaan. Mereka diberikan lebih banyak peluang untuk menyelesaikan soalan-soalan i-THINK dalam aktiviti-aktiviti kumpulan. Satu contoh jawapan untuk setiap set lembaran kerja akan disediakan untuk sepuluh orang peserta pemulihan (R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9 dan R11) tetapi contoh jawapan untuk tiga orang peserta pengayaan (R10, R12 dan R13) tidak disediakan. Papan notis



dijadikan sebagai sudut i-THINK Matematik untuk tujuan penampalan hasil rumusan kemahiran peserta.

Pelan penambahbaikan tindakan telah dilaksanakan dalam empat sesi interaksi. Data-data pemerhatian, temu bual dan lembaran kerja dikumpulkan untuk tujuan penganalisan. Langkah penganalisan data dilakukan seperti dalam Kitaran 1 untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelan tindakan. Dapatan Kitaran 2 menunjukkan amalan PdPc yang ditambahbaik telah mengatasi isu PdPc sepenuhnya. Justeru, kajian tidak dilanjutkan ke Kitaran 3.



Rajah 5. Peta aliran dalam penyelesaian masalah Matematik

## KAEDAH PENGUMPULAN DATA DAN CARA MENGANALISIS DATA

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumen untuk mengumpulkan data. Satu senarai semak pemerhatian berstruktur yang berfokus kepada tiga objektif kajian digunakan untuk mengumpulkan data dalam lapan sesi interaksi. Reaksi peserta sepanjang proses tindakan diperhatikan dan direkod dengan tujuan menentukan sama ada perkara yang ingin diperhatikan berlaku sepanjang proses kitaran. Rakaman video juga digunakan untuk meneliti situasi PdPc dengan kritikal.

Temu bual separa berstruktur diadakan pada akhir setiap kitaran melalui satu set soalan temu bual yang berfokus kepada tiga objektif kajian. Soalan yang sama ditanyakan kepada peserta untuk menjamin kebolehpercayaan jawapan yang dikumpul. Soalan dan perbincangan tambahan telah dilakukan mengikut perkembangan dalam proses temu bual untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Transkripsi temu bual disediakan berdasarkan rakaman audio supaya tidak ada tercacir sebarang respon yang diterima dan untuk memudahkan proses penganalisan data.

Empat set lembaran kerja untuk Kitaran 1 dan Kitaran 2 masing-masing disediakan dalam PdPc pengkaji untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam konsep Peratus dan Wang melalui i-THINK. Setiap lembaran kerja adalah berelmenkan i-THINK dan diubahsuai berdasarkan buku teks Matematik Tahun 4 SJKC. Semua lembaran kerja

dikumpul sebelum tamat sesi PdPc. Markah peserta untuk setiap set lembaran kerja dicatatkan untuk tujuan analisis.

Data pemerhatian dianalisis dengan meninjau jumlah kekerapan yang ditunjukkan oleh peserta bagi perkara-perkara dalam senarai semak pemerhatian. Rakaman video digunakan untuk mengukuhkan perkara-perkara yang diperhatikan dalam PdPc yang dijalankan. Data temu bual dianalisis berpandukan rakaman audio dan transkripsi yang disediakan. Manakala lembaran kerja dianalisis berdasarkan kriteria penguasaan berdasarkan pendekatan Masteri (Figl, & Savage, 2009). Hasil analisis yang dilakukan menunjukkan tahap penguasaan peserta dalam konsep Peratus dan Wang melalui i-THINK.

## DAPATAN KAJIAN

### Perubahan amalan PdPc melalui i-THINK

Pengkaji menggunakan senarai semak pemerhatian dan set soalan temu bual untuk mengumpul data terhadap penambahbaikan amalan PdPc dalam topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK. Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan hasil analisis tentang tiga perkara dalam senarai semak pemerhatian. Secara umumnya, prestasi peserta dalam Kitaran 2 adalah lebih positif kerana semua peserta didapati menumpu perhatian, aktif dan seronok dalam setiap sesi PdPc (P5 hingga P8) berbanding dengan sesi PdPc (P1 hingga P4).

Jadual 1

Analisis data pemerhatian untuk Perkara 1 dalam senarai semak pemerhatian

**Perkara 1:** Adakah murid menumpukan perhatian semasa guru memberi penjelasan tentang soalan dalam bentuk i-THINK?

Kekerapan “Ya” (Y) dan “Tidak” (T) dalam Sesi Pemerhatian (P)								
Kitaran 1	P1		P2		P3		P4	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	11	2	13	0	12	1	12	1
Kitaran 2	P5		P6		P7		P8	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	13	0	13	0	13	0	13	0

Jadual 2

Analisis data pemerhatian untuk Perkara 2 dalam senarai semak pemerhatian

**Perkara 2:** Adakah murid melibatkan diri secara aktif ketika aktiviti PdPc berlangsung?

Kekerapan “Ya” (Y) dan “Tidak” (T) dalam Sesi Pemerhatian (P)								
Kitaran 1	P1		P2		P3		P4	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	12	1	12	1	13	0	13	0
Kitaran 2	P5		P6		P7		P8	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	13	0	13	0	13	0	13	0

Jadual 3

Analisis data pemerhatian untuk Perkara 3 dalam senarai semak pemerhatian

**Perkara 3:** Adakah murid menunjukkan perasaan seronok melalui mimik muka semasa menjawab soalan dalam bentuk i-THINK?

Kekerapan “Ya” (Y) dan “Tidak” (T) dalam Sesi Pemerhatian (P)								
---	--	--	--	--	--	--	--	--

Kitaran	P1		P2		P3		P4	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
1	10	3	12	1	12	1	13	0
Kitaran	P5		P6		P7		P8	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
2	13	0	13	0	13	0	13	0

Tiga soalan tentang penambahbaikan amalan PdPc dikemukakan dalam sesi temu bual. Berdasarkan Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6, lapan orang peserta (R1, R3, R4, R5, R6, R10, R12, dan R13) bersetuju bahawa penggunaan i-THINK telah menjadikan suasana PdPc menarik, seronok dan menarik minat mereka untuk belajar dalam Kitaran 1. Sebab-sebabnya ialah i-THINK adalah unik, dapat membina pengetahuan baru, memudahkan pembelajaran atau minat mereka terhadap i-THINK. Manakala lima orang peserta (R2, R7, R8, R9 dan R11) kurang bersetuju pandangan rakan mereka kerana i-THINK adalah susah bagi mereka. R7 dan R8 mengaku bahawa mereka kurang memahami soalan dalam bentuk i-THINK. Walau bagaimanapun, penambahbaikan tindakan yang dilakukan boleh mendorong semua peserta bersetuju i-THINK dapat menjadikan suasana menarik, mereka berasa gembira dan berminat untuk belajar melalui i-THINK.

Jadual 4

Maklum balas 13 orang peserta bagi Soalan 1

**Soalan 1:** Adakah penggunaan i-THINK menjadikan suasana PdPc menarik?

Kitaran	Bilangan Ya/Tidak	Maklum Balas
Kitaran 1	Ya: 8 orang	Unik (R1, R4, R5, R6, R10, R12)
		Membina pengetahuan baru (R3, R13)
	Tidak: 5 orang	Kurang memahami soalan dalam bentuk i-THINK (R7, R8)
		Tidak unik (R2)
Kitaran 2	Ya: 13 orang	Tidak dapat memberikan sebab (R9, R11)
		Unik (R1, R2, R3, R4, R6, R8, R9, R10, R11, R12, R13)
		Memudahkan pembelajaran (R5)
	Tidak: 0 orang	Mencabar pemikiran (R7)
		-

Jadual 5

Maklum balas 13 orang peserta bagi Soalan 2

**Soalan 2:** Adakah anda berasa gembira semasa cikgu mengajar melalui i-THINK? Kenapa?

Kitaran	Bilangan Ya/Tidak	Maklum Balas
Kitaran 1	Ya: 8 orang	Unik (R1)
		Memudahkan pembelajaran (R3, R4, R6)
		Membina pengetahuan baru (R5, R12)
	Tidak: 5 orang	Berminat (R10, R13)
Kitaran 2	Ya: 13 orang	Susah (R2, R7, R8, R9, R11)
		Menarik (R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9, R10, R11, R12, R13)
	Tidak: 0 orang	Memudahkan pembelajaran (R1)
		-

## Jadual 6

Maklum balas 13 orang peserta bagi Soalan 3

**Soalan 3:** Adakah anda berminat untuk belajar topik Peratus dan topik Wang melalui i-THINK? Kenapa?

Kitaran	Bilangan Ya/Tidak	Maklum Balas
Kitaran 1	Ya: 8 orang	Unik (R1, R3)
		Membina pengetahuan baru (R4)
		Memudahkan pembelajaran (R5, R6, R10, R12, R13)
	Tidak: 5 orang	Susah (R2, R7, R9, R11)
Tidak dapat memberikan sebab (R8)		
Kitaran 2	Ya: 13 orang	Seronok (R1, R13)
		Faham cara menjawab (R2, R9, R11)
		Unik (R3)
		Memudahkan pembelajaran (R4, R5, R6, R7, R8, R10, R12)
	Tidak: 0 orang	-

### Penguasaan Murid Dalam Konsep Peratus dan Wang Melalui Amalan Pengajaran Dengan i-THINK

Data pemerhatian tentang keupayaan peserta untuk menjawab soalan dalam bentuk i-THINK atau memberikan contoh yang sesuai untuk sesuatu i-THINK dianalisis dalam Jadual 7 dan Jadual 8. Dalam Kitaran 1, bukan semua peserta dapat menjawab soalan atau memberikan contoh yang sesuai dalam keempat-empat sesi pemerhatian (P1 hingga P4). Walau bagaimanapun, penambahbaikan tindakan dalam Kitaran 2 dapat membantu peserta berjaya menjawab soalan dan memberikan contoh jawapan yang sesuai apabila dipersoalkan.

## Jadual 7

Analisis data pemerhatian untuk Perkara 4 dalam senarai semak pemerhatian

<b>Perkara 4:</b> Adakah murid dapat menjawab soalan dalam bentuk i-THINK dengan betul?								
<b>Kekerapan “Ya” (Y) dan “Tidak” (T) dalam Sesi Pemerhatian (P)</b>								
Kitaran 1	P1		P2		P3		P4	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	13	0	10	3	10	3	11	2
Kitaran 2	P5		P6		P7		P8	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	13	0	10	3	13	0	13	0

## Jadual 8

Analisis data pemerhatian untuk Perkara 5 dalam senarai semak pemerhatian

<b>Perkara 5:</b> Adakah murid mampu memberikan contoh-contoh lain yang sesuai untuk sesuatu i-THINK?								
<b>Kekerapan “Ya” (Y) dan “Tidak” (T) dalam Sesi Pemerhatian (P)</b>								
Kitaran 1	P1		P2		P3		P4	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	13	0	10	3	9	4	12	1

Kitaran 2	P5		P6		P7		P8	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	13	0	10	3	13	0	13	0

Berdasarkan Jadual 9, lapan orang peserta (R1, R3, R4, R5, R6, R10, R12 dan R13) bersetuju peranan i-THINK dalam membantu mereka dalam topik Peratus dan topik Wang. Lima orang peserta mempunyai pendapat bertentangan kerana i-THINK adalah susah (R2, R7, R8 dan R9) dan tidak dapat menerangkan sebab (R11). Namun demikian, empat orang peserta (R2, R7, R9 dan R11) menyokong i-THINK dalam membantu mereka pada akhir Kitaran 2. Seorang peserta (R8) masih kurang setuju kerana dia belum mahir dengan penggunaan i-THINK dalam pembelajarannya.

#### Jadual 9

Maklum balas 13 orang peserta bagi Soalan 4

<b>Soalan 4:</b> Adakah penggunaan i-THINK membantu anda belajar topik Peratus dan topik Wang? Kenapa?		
<b>Kitaran</b>	<b>Bilangan Ya/Tidak</b>	<b>Maklum Balas</b>
Kitaran 1	Ya: 8 orang	Memudahkan pembelajaran (R1, R5, R6, R10, R12, R13)
		Unik (R3)
		Membina pengetahuan baru (R4)
	Tidak: 5 orang	Susah (R2, R7, R8, R9)
Tidak dapat memberikan sebab (R11)		
Kitaran 2	Ya: 12 orang	Memudahkan pembelajaran (R1, R2, R11)
		Jelas (R3, R4, R5, R6, R7, R9, R10, R12, R13)
	Tidak: 1 orang	Belum mahir (R8)

#### Jadual 10

Prestasi peserta dalam setiap set lembaran kerja dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

<b>Kitaran</b>	<b>Lembaran Kerja</b>	<b>Belum Menguasai</b>	<b>Menguasai</b>
Kitaran 1	1 (10 markah)	0 orang	13 orang
	2 (6 markah)	8 orang (R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9)	5 orang
	3 (11 markah)	4 orang (R1, R2, R5, R9)	9 orang
	4 (8 markah)	7 orang (R2, R4, R5, R6, R7, R8, R11)	6 orang
Kitaran 2	5 (3 markah)	0 orang	13 orang
	6 (8 markah)	4 orang (R2, R3, R4, R11)	9 orang
	7 (10 markah)	0 orang	13 orang
	8 (6 markah)	0 orang	13 orang

Jadual 10 menunjukkan analisis penguasaan peserta lembaran kerja berdasarkan kriteria penguasaan yang diubahsuai dari pendekatan masteri. Semua peserta didapati telah menguasai kemahiran yang disampaikan dalam Lembaran Kerja 1. Manakala ramai peserta ditafsir belum menguasai kemahiran dalam Lembaran Kerja 2, Lembaran Kerja 3 dan Lembaran Kerja 4. Penambahbaikan tindakan dilaksanakan dalam Kitaran 2 dan prestasi peserta berjaya ditingkatkan kerana semua peserta ditafsir menguasai dalam tiga set lembaran kerja (Lembaran Kerja 5, Lembaran Kerja 7 dan Lembaran Kerja 8). Walau bagaimanapun, hasil dapatan dari Lembaran Kerja 6 menunjukkan empat orang peserta (R2, R3, R4 dan R11) belum menguasai kemahiran yang dipelajari.

### Keyakinan Murid Menjawab Soalan Peratus dan Wang Melalui i-THINK

Hasil tentang keyakinan peserta telah dipaparkan dalam Jadual 11, Jadual 12 dan Jadual 13. Bilangan peserta yang yakin untuk bertanyakan soalan adalah lebih tinggi dan tidak ada peserta yang tidak yakin untuk menyoal dalam Kitaran 2. Jumlah peserta yang tidak bertanyakan soalan juga berkurangan berbanding dengan Kitaran 1. Para peserta juga didapati yakin untuk menjawab soalan pengkaji dalam empat sesi interaksi Kitaran 2. Berdasarkan Jadual 13, lima orang peserta (R2, R7, R8, R9 dan R11) tidak yakin menjawab soalan pada akhir Kitaran 1 tetapi semua peserta berkeyakinan pada akhir Kitaran 2.

#### Jadual 11

Keyakinan peserta bertanyakan soalan

**Perkara 6:** Adakah murid yakin bertanyakan soalan kepada guru sekiranya menghadapi masalah tentang penggunaan i-THINK?"

Aspek	Bilangan peserta dalam setiap Sesi Pemerhatian (P)							
	Kitaran 1				Kitaran 2			
	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8
Yakin	3	8	6	7	10	11	9	10
Tidak Yakin	3	2	0	0	0	0	0	0
Tidak Bertanyakan Soalan	7	3	7	6	3	2	4	3

#### Jadual 12

Analisis data pemerhatian untuk Perkara 7 dalam senarai semak pemerhatian

**Perkara 7:** Adakah murid yakin menjawab soalan apabila guru bertanyakan soalan?

Kekerapan "Ya" (Y) dan "Tidak" (T) dalam Sesi Pemerhatian (P)								
Kitaran	P1		P2		P3		P4	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
1	13	0	8	5	13	0	13	0
Kitaran 2	P5		P6		P7		P8	
	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	13	0	13	0	13	0	13	0

#### Jadual 13

Maklum balas 13 orang peserta bagi Soalan 5

**Soalan 5:** Adakah anda berasa lebih yakin sekarang untuk menjawab soalan topik Peratus dan topik Wang? Kenapa?

Kitaran	Bilangan Ya/Tidak	Maklum Balas
Kitaran 1	Ya: 8 orang	Mudah (R1, R3, R6, R12) Faham apa yang dipelajari (R4, R5, R10, R13)
	Tidak: 5 orang	Susah (R2, R7, R8, R9, R11)
Kitaran 2	Ya: 13 orang	Faham apa yang dipelajari
	Tidak: 0 orang	-

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

### Perubahan Amalan PdPc Melalui i-THINK

Berdasarkan Jadual 1 hingga Jadual 6, pengkaji mendapati wujud kelemahan-kelemahan dalam tindakan yang dilaksanakan dalam Kitaran 1. Peserta-peserta sebelum

kajian adalah kurang didedahkan dengan PdPc yang berelemenkan i-THINK. Lima orang peserta (R2, R7, R8, R9 dan R11) didapati masih asing dengan i-THINK dalam Kitaran 1. Penambahbaikan tindakan seperti pembentukan kumpulan pengayaan dan pemulihan dilakukan serta pembinaan sudut i-THINK telah dilakukan dalam Kitaran 2. Dengan itu, peserta-peserta didapati lebih berfokus, aktif dan gembira dalam PdPc yang dijalankan. Pembelajaran aktif merupakan prinsip penting dalam pengajaran berkesan (Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talip, & Mohd Faez Ilias, 2012).

Peserta berasa gembira dan berminat untuk belajar melalui i-THINK. Pendapat R7 iaitu i-THINK mencabar pemikirannya menunjukkan i-THINK dapat menjana pemikiran kritikal seperti yang dinyatakan dalam Laura (2011) dan Muhamad Sidek Said (2013, 23-25 April). Empat faktor dalam Model Slavin (1994) iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa telah dipenuhi semasa pengkaji melaksanakan PdPc dalam Kitaran 2. Satu pembelajaran topik Peratus dan topik Wang yang lebih bermakna telah dibina melalui i-THINK selaras seperti dapatan Kavitha Karagaratnan (2015).

### **Penguasaan Murid Dalam Konsep Peratus dan Wang Melalui Amalan Pengajaran Dengan i-THINK**

Berdasarkan Jadual 7, Jadual 8 dan Jadual 10, penguasaan peserta dalam topik Peratus dan topik Wang adalah berbeza. Semua peserta diperhati dapat menjawab soalan dan memberikan contoh yang sesuai dalam sesi P1. Mereka ditafsir menguasai hubungan antara peratus dan nombor perpuluhan melalui markah mereka dalam Lembaran Kerja 1. Namun, prestasi peserta dalam sesi P2, P3 dan P4 yang berfokus pengajaran Wang adalah tidak seperti sesi P1. Maklum balas dalam Jadual 9 juga membuktikan lima orang peserta (R2, R7, R8, R9 dan R11) tidak setuju i-THINK dapat membantu mereka belajar.

Isu-isu didapati berdasarkan hasil lembaran kerja topik Wang. Misalnya, Rajah 6 menunjukkan hasil kerja peserta yang kurang memahami i-THINK digunakan. Rajah 7 menunjukkan terdapat peserta yang dapat memahami i-THINK yang digunakan, tetapi mereka masih gagal untuk menjawab soalan dengan betul. Pengkaji juga mendapati peserta yang cuai dalam pengiraan secara mental. Mereka didapati memahami kegunaan peta titi tetapi mereka belum menguasai kemahiran yang dipelajari melalui peta titi. Penggunaan i-THINK seperti peta dakap dan peta bulatan pada pemerhatian P2, P3 atau P4 adalah lebih susah difahami jika berbanding dengan penggunaan peta buih dan peta titi dalam P1. Kemahiran peratus dalam P1 juga lebih mudah dikuasai daripada kemahiran Wang. Ini menunjukkan tindakan yang dirancang dan dilaksanakan adalah sesuai untuk topik Peratus tetapi masih perlu diperbaiki untuk topik Wang.

Penambahan ruang pengiraan yang jelas, pembentukan kumpulan berdasarkan tahap penguasaan peserta dan penggunaan papan notis bilik darjah dilaksanakan dalam Kitaran 2 untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang didapati dalam Kitaran 1. Prestasi peserta dalam sesi P5, P7 dan P8 adalah positif dengan dapat memberikan contoh-contoh jawapan yang betul dan berlainan. Hanya tiga orang peserta tidak dapat menjawab soalan dengan betul dan memberikan contoh lain yang sesuai dalam sesi P6 disebabkan kesukaran kemahiran Bahagi Wang serta empat orang peserta (R2, R3, R4 dan R11) ditafsir belum menguasai kemahiran dalam Lembaran Kerja 6 atas faktor kecuaian seperti dalam Rajah 8.

(Tuliskan langkah-langkah pengiraan)

b)

RM2215 — { RM1011.50  
RM421.55  
Y

$RM2215 - RM1011.50 - RM421.55 =$

把计算步骤写在这里

$$\begin{array}{r} RM\ 2215.00 \\ - RM\ 1011.50 \\ \hline RM\ 1203.50 \\ - RM\ 421.55 \\ \hline RM\ 781.95 \end{array}$$

Y 是多少呢? (Apakah nilai Y?)

$= RM\ 698.95$

Rajah 6. Kesukaran R7 dalam memahami kegunaan peta dakap

(Nilai wang) 币值	RM4 999.10	RM5610.00	RM3531.00	RM27994.50
令吉的近似值 (Bundaran Ringgit)	RM4 999 (as)	RM5 610 (as)	RM13 531 (as)	RM27 994
(Nilai wang) 币值	RM4 685.87	RM12678.00	RM56785.00	RM84 201.98
令吉的近似值 (Bundaran Ringgit)	RM4 685 (as)	RM12 678 (as)	RM56 785 (as)	?
(Nilai wang) 币值	RM5399.34	RM1 245.45	RM69699.00	RM5 777.66
令吉的近似值 (Bundaran Ringgit)	RM5 329 (as)	RM1 245 (as)	RM69 699 (as)	RM5 777

Rajah 7. Jawapan R1 dalam Lembaran Kerja 3

Pendapat sembilan orang peserta (R3, R4, R5, R6, R7, R9, R10, R12 dan R13) pada hasil Kitaran 2 (Jadual 9) adalah i-THINK jelas dan disokong berdasarkan kajian kecerdasan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Walaupun R8 didapati dapat menjawab soalan, memberikan contoh jawapan yang sesuai serta dikategorikan menguasai kemahiran berdasarkan markah lembaran kerjanya tetapi sasaran terhadap diri yang tinggi menyebabkan R8 masih tidak setuju pernyataan i-THINK membantu dia untuk belajar.



(Lengkapkan setiap langkah pengiraan bahagi wang berdasarkan pilihan berikut.)  
 A) 根据以下的选项，完成圆圈内的每个钱币除法算式。

10	25	11	1000
----	----	----	------

$1 \text{ RM}3201 \div \boxed{10} = \text{RM}320.10$

$3 \text{ RM}3521.10 \div \boxed{11} = \text{RM}320.10$

$2 \text{ RM}320100 \div \boxed{1000} = \text{RM}320.10$

$4 \text{ RM}8002.50 \div \boxed{25} = \text{RM}320.10$

Rajah 8. Jawapan R4 dalam Lembaran Kerja 6 (soalan 2)


Kesimpulannya, penggunaan i-THINK dapat membantu murid dalam mengorganisasikan pemikiran dan meningkatkan penguasaan sesuatu kemahiran seperti yang dinyatakan oleh Rohaida Yusof dan Zamri Mahamod (2015) serta Rosnidar Mansor, Haeidatul Nashrah Hassan, Norazilawati Abdullah dan Nik Azmah Nik Yussuf (2015).

### Keyakinan Murid Menjawab Soalan Peratus dan Wang Melalui i-THINK


Jadual 11, Jadual 12 dan Jadual 13 menunjukkan i-THINK dapat meningkatkan keyakinan peserta dalam menjawab soalan Peratus dan Wang. Lebih banyak peserta yakin untuk menyoal serta tidak ada peserta yang tidak yakin semasa bertanyakan soalan dalam Kitaran 2. Semua peserta juga yakin menjawab soalan pengkaji berdasarkan hasil analisis pemerhatian dan transkripsi temu bual. Keyakinan sedemikian dapat membantu mereka dalam setiap sesi interaksi (P5 hingga P8) seperti yang dinyatakan oleh Hyerle dan Alper (2011). Mereka juga berjaya memberikan hujah terhadap sesuatu pendapat. Peserta pengayaan juga tidak sabar untuk menjawab soalan atau meminta latihan tambahan. Peserta tidak berasa terkejut sebaliknya yakin untuk menjawab soalan apabila nama mereka disebut secara tiba-tiba.

### CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Amalan pengajaran menggunakan i-THINK boleh diintegrasikan ke topik Matematik yang lain seperti topik Masa dan Waktu mengikut kesesuaian kemahiran. Rajah 9 merupakan contoh penggunaan peta titi untuk kemahiran perkaitan antara hari dengan jam. Aktiviti-aktiviti PdPc dan lembaran kerja berelemenkan i-THINK masih boleh dirancang untuk topik Masa dan Waktu. Murid-murid boleh diberikan peluang untuk melakarkan bentuk i-THINK yang sesuai bagi sesuatu kemahiran Matematik. Contohnya, murid boleh melakar peta buih berganda (Rajah 10) untuk membanding beza konsep perimeter dan luas bentuk 2D.



Rajah 9. Peta titi memaparkan hubungan antara hari dengan jam



Rajah 10. Contoh nota dalam bentuk i-THINK yang boleh disediakan oleh murid

## PENUTUP

Pengintegrasian i-THINK dalam PdPc telah menambahbaik amalan PdPc pengkaji serta meningkatkan penguasaan dalam keyakinan murid dalam topik Peratus dan Wang. Pengkaji berharap perubahan amalan PdPc dengan menggunakan i-THINK ini boleh diamalkan dalam pembelajaran topik-topik Matematik yang lain untuk melahirkan murid yang berfikir secara kritis dan mampu memenuhi kehendak global kini.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Membudayakan kemahiran berfikir*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baratta, W., Price, B., Stacey, K., Steinle, V., & Gvozdenko. (2010). *Percentages: The effect of problem structure, number complexity and calculation format*. Diperoleh dari <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED520863.pdf>
- Francis, P., Figl, C., & Savage, C. (2009). Mastery learning in a large first year Physics class. Dlm Gill, K. *UniServe Science Motivating Science Undergraduates: Ideas and Interventions*. Australia: The University of Sydney. 152-159.
- Hyerle, D. N., & Alper, L. (2011). *Student successes with thinking maps*. Amerika Syarikat: Corwin.
- Kamaruddin Abu Hassan, Jamilah Osman, Zuraidah Bahrin, & Fatimah Mustaffa. (2011). Penggunaan peta i-THINK dalam pengajaran pembelajaran subjek Matematik sekolah rendah. *Jurnal Paradigma*, 17: 97-119.
- Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talip, & Mohd Faez Ilias. (2012). Strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berpusatkan pelajar. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*. 8-9 Mac. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 33-40.
- Kavitha Karagaratnan. (2015). *Pembinaan modul Bio-i-THINK dan kesannya terhadap pencapaian serta kemahiran berfikir aras tinggi murid Tingkatan Empat*. Kerja Kursus Ijazah Sarjana Muda. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Laura A. W. (2011). *The effect of thinking maps on students' higher order thinking skills*. Amerika Syarikat: California State University & Northridge University.
- Linawati, Lina Adiman, & Sharifah Nor Puteh. (2017). Pelaksanaan peta pemikiran i-THINK dalam kalangan guru. *Seminar Serantau 2017*. 7 September. Selangor Darul Ehsan: Universiti Kebangsaan Malaysia. 491-496.

- Mok, S. S. (2010). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhamad Sidek Said (2013, 23-25 April). Aplikasi menggunakan 'thinking map' dalam program Praktikum KPLD di Tadika Yayasan Islam Terengganu, Seberang Takir, Kuala Terengganu. Kertas Kerja *Seminar Kajian Tindakan*, Tanjung Vista Hotel, Kuala Terengganu.
- Rohaida Yusof, & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan peta pemikiran (i-THINK) dalam meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2): 31-37.
- Rosnidar Mansor, Haeidatul Nashrah Hassan, Norazilawati Abdullah, & Nik Azmah Nik Yussuf. (2015). Keberkesanan penggunaan i-THINK terhadap pencapaian dan minat murid dalam tajuk Sifat Bahan, Sains tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 5(2): 98-116.
- Siti Ruzila Hassan, Roslinda Rosli, & Effandi Zakaria. (2016). The use of i-THINK map and questioning to promote higher-order thinking skills in mathematics. *Creative Education*, 7: 1069-1078.

## **APLIKASI TEKNIK MULTISENSORI MENAMBAHBAIK TULISAN MURID PENDIDIKAN PEMULIHAN**

**CHRISTOPERSON KERUKA<sup>1</sup>, SAPATOMAH @ SBTUYAH MORSHIDI<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. kerukachristoperperson@gmail.com

<sup>2</sup>Jabatan Pembangunan Latihan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. sabmorcd@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Murid-murid pendidikan pemulihan mempunyai kesukaran dalam menulis huruf dengan kemas. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan membantu murid pendidikan pemulihan menambahbaik tulisan mereka dengan mengaplikasikan teknik multisensori dalam proses pengajaran. Kajian tindakan ini dijalankan sebanyak dua kitaran dengan berpandukan Model Kemmis & McTaggart (1988). Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid dari sebuah sekolah kebangsaan di Miri, yang telah dikenal pasti mengalami masalah kekemasan tulisan. Teknik multisensori dapat merangsang pancaindera murid dan menjadikan proses pengajaran lebih menarik. Sehubungan dengan itu, kaedah pemerhatian, temubual dan analisis dokumen telah diaplikasikan untuk mengumpul data. Data pemerhatian berbentuk rakaman video akan dipindahkan ke borang transkripsi tulisan murid, data temubual pula ditranskripsikan dalam bentuk pengekodan untuk memudahkan dapatan dijelaskan manakala analisis dokumen melibatkan penilaian hasil kerja murid dengan merujuk rubrik pemarkahan yang dibina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi teknik multisensori berjaya membantu menambahbaik tulisan dan menggalakkan minat murid dalam aktiviti menulis. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi teknik multisensori memberikan kesan yang positif terhadap kekemasan tulisan murid dan meningkatkan minat murid terhadap aktiviti menulis di dalam kelas. Sebagai kesimpulan, kesedaran tentang aplikasi teknik multisensori perlu ditekankan bagi memastikan murid pendidikan pemulihan menambah baik tulisan mereka agar dapat menulis dengan lebih kemas.

Kata kunci : teknik multisensori, menambahbaik tulisan, murid pendidikan pemulihan

### **ABSTRACT**

Remedial pupils have difficulty in writing the letters neatly. Therefore, this study aims to help pupils improve their writing by applying multisensory techniques in teaching process. This action research was conducted in two cycles, based on Kemmis & McTaggart (1988) Model. The study participants consisted of two pupils from a national school in Miri, who were identified as having writing problems. Multisensory techniques can stimulate the pupils' perception and make the teaching process more interesting. To that end, methods of observation, interview and document analysis have applied to collect data. Data of video recordings will be transferred to the pupils' written transcription form, interview data will be transcribed in the form of coding to facilitate clarification while document analysis involves assessment of pupils work by reference to the scoring rubric constructed. The findings show that the application of multisensory techniques has helped to improve writing and encourage pupils' interest in writing. The implications of this research indicate that the application of multisensory techniques has a positive impact on pupils 'writing ability and enhances pupils' interest in writing in the classroom'. In conclusion, awareness on multisensory techniques applications needs to be emphasized to ensure remedial pupils improve their writing so they can write more neatly.

*Keywords : multisensory techniques, improve writing, remedial pupils*

## **PENGENALAN**

Pendidikan Pemulihan merupakan satu program pendidikan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang kompleks (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Teknik multisensori pula merujuk kepada satu amalan pengajaran yang paling berkesan dan disokong secara empirikal dengan menggunakan semua saluran pembelajaran di otak iaitu visual, auditori, kinestetik dan sentuhan secara serentak (Tafti & Abdolrahmani, 2014).

Pada 11 Jun 2019 sehingga 6 September 2019 yang lepas, saya telah menjalankan praktikum di sebuah sekolah di daerah Miri, Sarawak. Saya ditugaskan untuk mengajar Pendidikan Pemulihan bagi matapelajaran Bahasa Melayu dan Matematik. Semasa menjalani praktikum tersebut, saya mendapati bahawa murid pendidikan pemulihan yang saya ajar mempunyai masalah dalam kekemasan tulisan dan kurang berminat terhadap penulisan. Masalah kekemasan tulisan murid ini dapat dilihat dari aspek bentuk huruf, urutan menulis dan saiz huruf yang ditulis oleh mereka. Masalah kekemasan tulisan ini menyebabkan saya sukar untuk membaca tulisan mereka. Ini seiring dengan kajian Dunn (2013) yang mengatakan bahawa beliau juga sukar untuk membaca dan memahami tulisan murid yang tidak kemas. Dalam pada itu, tulisan yang buruk dan sukar dibaca juga boleh menimbulkan persepsi yang negatif terhadap murid serta menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran guru (Rostami, Allahverdi, & Mousavi, 2014; Yusof & Walter, 2010). Pada masa yang sama, murid akan ketinggalan dalam pelajaran jika mereka tidak berminat pada aktiviti yang dijalankan oleh guru (Sophia Ason, 2015).

Oleh hal yang demikian, timbul kesedaran dalam diri saya untuk membantu murid ini menambahbaik tulisan mereka. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan di Iran, teknik multisensori adalah efektif untuk meningkatkan kemahiran menulis murid-murid disgrafia di sekolah rendah (Mansurnejad, Kajbaf & Molavi, 2012). Di samping itu, menurut Wang et al. (2017), setiap komponen dalam teknik multisensori juga mampu membangkitkan minat murid terhadap aktiviti yang dijalankan oleh guru. Maka dengan itu, saya telah memilih untuk mengaplikasikan teknik multisensori dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan.

## **FOKUS KAJIAN**

Dapatan awal daripada pentaksiran formatif dengan menggunakan lembaran kerja telah menunjukkan bahawa kajian tindakan ini penting untuk dilaksanakan. Hal ini kerana saya mendapati bahawa tulisan murid pada lembaran kerja berada pada tahap tidak memuaskan. Murid masih lemah dalam menulis huruf dengan betul terutamanya bagi huruf kecil a, r dan s. Huruf yang ditulis oleh murid dalam sesuatu perkataan mempunyai ciri-ciri seperti sukar dibaca, pembentukan huruf yang tidak betul dan saiz huruf yang tidak konsisten (Rostami et. al, 2014). Oleh itu, kajian yang saya lakukan ini adalah berfokus kepada aplikasi teknik multisensori untuk membantu menambahbaik kekemasan tulisan murid pendidikan pemulihan khas. Khususnya bagi huruf kecil a, r dan s. Dalam pada itu, berdasarkan pemerhatian yang saya lakukan, saya mendapati bahawa murid-murid ini kurang berminat terhadap aktiviti penulisan semasa proses pengajaran yang dijalankan. Oleh itu, saya berharap, dengan pengaplikasian teknik multisensori ini, ianya dapat membantu murid-murid tersebut untuk menulis dengan tulisan yang kemas serta meningkatkan minat mereka terhadap aktiviti penulisan. Hal ini kerana, selain membantu dalam penulisan, aktiviti yang menarik dalam teknik multisensori juga dapat menarik minat murid untuk melibatkan diri, menikmati dan mengingati sesuatu (Sara & Yvonne, 2019). Pada masa yang sama, kajian ini juga dapat membantu guru pendidikan pemulihan

di sekolah berkenaan untuk menggunakan teknik yang sesuai bagi membantu murid yang mempunyai masalah kekemasan tulisan (Rolfe & Cheek, 2012). Selain itu, kajian ini juga relevan kepada sekolah kerana ianya boleh membantu mengurangkan kadar murid yang mempunyai masalah kekemasan tulisan (Mansurnejad et. al, 2012).

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk membantu:

- murid menulis huruf kecil a, r dan s dengan tulisan yang kemas melalui teknik multisensori dalam kalangan murid pemulihan.
- meningkatkan minat murid pemulihan dalam penulisan dengan aktiviti menulis multisensori.

Selari dengan objektif di atas, kajian ini dilaksanakan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

- Adakah teknik multisensori dapat membantu murid pemulihan menulis huruf kecil a, r dan s dengan tulisan yang kemas?
- Adakah minat murid pemulihan dalam penulisan dapat ditingkatkan dengan aktiviti menulis multisensori?

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap dua orang murid pendidikan pemulihan dan melibatkan subjek Bahasa Melayu. Antara ciri – ciri peserta kajian yang terlibat adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1  
Profil murid

Perkara	Murid A	Murid B
Nama	Justin (bukan nama sebenar)	Anna (bukan nama sebenar)
Tahun	3	3
Umur	9 tahun	9 tahun
Jantina	Lelaki	Perempuan
Ciri-ciri	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid lemah dalam menulis.</li> <li>Pembentukan huruf yang tidak betul.</li> <li>Saiz huruf tidak konsisten.</li> <li>Penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang tidak betul.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid lemah dalam menulis.</li> <li>Pembentukan huruf yang tidak betul.</li> <li>Saiz huruf tidak konsisten.</li> </ol>

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Aplikasi teknik multisensori yang digunakan melibatkan empat aspek iaitu visual (penglihatan), auditori (pendengaran), kinestetik (pergerakan) dan taktil (sentuhan). Terdapat dua kitaran yang dijalankan dalam kajian ini.

### Kitaran Pertama

Berdasarkan gelung kajian tindakan Kemmis & McTaggart (1988), terdapat empat langkah yang perlu dilakukan dalam kajian tindakan iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Oleh itu, perkara yang saya jalankan sebagai aktiviti kajian bagi kitaran pertama ini adalah seperti yang terdapat pada Jadual 2. Setiap aktiviti mengambil masa 30 minit dan dilaksanakan pada hari yang berbeza. Pengumpulan data melalui

pemerhatian dengan menggunakan rakaman video, temu bual dan analisis dokumen dilaksanakan pada setiap aktiviti yang dilaksanakan.

Jadual 2

Langkah aktiviti kajian (Kitaran 1)

<b>Aktiviti</b>	<b>Bahan</b>
Aktiviti kajian Visual Huruf kecil a, r dan s Rancangan Slot Intervensi 1	LCD
Aktiviti kajian Auditori Huruf kecil a, r dan s. Rancangan Slot Intervensi 2	Tiada ( Penerangan guru )
Aktiviti kajian Kinestetik Huruf kecil a, r dan s. Rancangan Slot Intervensi 3	Tiada ( Menulis di udara dan dibelakang rakan )
Aktiviti kajian Taktil Huruf kecil a, r dan s. Rancangan Slot Intervensi 4	Huruf-huruf yang dibentuk daripada plastisin

### **Kitaran Dua**

Setelah menjalankan aktiviti kajian bagi kitaran pertama, saya meneruskan kajian tindakan dengan menggunakan aktiviti kajian kitaran dua. Bagi kitaran dua ini, saya melakukan beberapa perubahan dan penambahbaikan dari segi bahan bantu mengajar dan peruntukan masa bagi slot intervensi yang dilakukan. Walaupun terdapat beberapa perubahan yang dilakukan, langkah-langkah tindakan yang diambil adalah tetap berdasarkan teknik multisensori yang telah dirancang agar dapat menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Aktiviti kajian bagi Kitaran 2 adalah seperti yang terdapat pada Jadual 3. Setiap aktiviti mengambil masa 40 minit dan dilaksanakan pada hari yang berbeza. Pengumpulan data melalui pemerhatian dengan menggunakan rakaman video, temu bual dan analisis dokumen dilaksanakan pada setiap aktiviti yang dilaksanakan.

Jadual 3

Langkah-langkah aktiviti kajian (Kitaran 2)

<b>Aktiviti</b>	<b>Bahan</b>
Aktiviti kajian Visual Huruf kecil a, r dan s Rancangan Slot Intervensi 5	Kad Huruf
Aktiviti kajian Auditori Huruf kecil a, r dan s. Rancangan Slot Intervensi 6	Video Huruf
Aktiviti kajian Kinestetik Huruf kecil a, r dan s. Rancangan Slot Intervensi 7	Kotak Pasir
Aktiviti kajian Taktil Huruf kecil a, r dan s. Rancangan Slot Intervensi 8	Kad Bentuk Huruf

Kaedah pengumpulan data yang saya gunakan ialah pemerhatian, temubual dan juga analisis dokumen. Bagi kaedah pemerhatian, saya membuat rakaman video semasa murid menulis huruf. Fokus pemerhatian adalah kepada urutan menulis huruf, saiz huruf dan bentuk huruf. Oleh hal yang demikian, saya merakam video murid semasa menulis huruf kecil a, r dan s. Ianya memudahkan saya untuk membuat pemerhatian ke atas murid untuk dianalisis.

Bagi kaedah temubual pula, saya telah menyediakan beberapa soalan terlebih dahulu bagi disoal kepada murid. Soalan temu bual yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4

Soalan temu bual

<b>Soalan Temubual Pertama ( Persoalan Kajian Pertama )</b>	
1	Adakah aktiviti yang anda ikuti dengan menggunakan deria sentuh dan lihat (teknik multisensori) membantu anda dalam menulis huruf kecil a, r dan s dengan betul?
2	Adakah selepas mengikuti aktiviti yang dijalankan anda dapat ingat urutan yang betul semasa menulis huruf kecil a, r dan s? Huraikan urutan menulis satu contoh huruf.
3	Adakah selepas mengikuti aktiviti yang dijalankan anda yakin menulis dengan bentuk huruf kecil a, r dan s dengan betul? Huraikan bentuk bagi satu contoh huruf.
4	Adakah selepas mengikut aktiviti yang dijalankan anda dapat menulis huruf kecil a, r dan s dengan saiz yang betul? Huraikan tentang saiz bagi satu contoh huruf.
<b>Soalan Temubual Kedua ( Persoalan Kajian Kedua )</b>	
1	Apakah anda berasa seronok mengikuti aktiviti menulis dengan menggunakan aktiviti menulis multisensori yang dijalankan?
2	Adakah anda merasa yakin menulis huruf selepas mengikut aktiviti menulis dengan menggunakan aktiviti menulis multisensori di dalam kelas?
3	Selepas mengikut aktiviti adakah anda berminat mengikuti aktiviti menggunakan aktiviti menulis multisensori pada masa akan datang?

Seterusnya, bagi kaedah analisis dokumen, saya menggunakan lembaran kerja. Hasil kerja murid pada lembaran kerja tersebut merupakan mesej komunikasi daripada murid kepada saya. Dengan begitu, saya dapat melihat dan membuktikan dengan jelas berkaitan dengan kekemasan tulisan murid yang dikaji.

Setelah mendapatkan data-data bagi kajian tindakan ini, saya seterusnya menganalisis data-data yang diperolehi tersebut. Bagi kaedah pemerhatian, saya menonton semula video rakaman dan membuat transkripsi aktiviti menulis murid. Transkripsi yang dibuat adalah berdasarkan aktiviti menulis bagi setiap huruf yang telah ditetapkan iaitu huruf kecil a, r dan s. Oleh itu, saya telah menyediakan satu borang khas yang digunakan semasa membuat transkripsi rakaman video.

Analisis data yang dikumpul melalui temubual pula dianalisis berdasarkan respons murid terhadap soalan yang disoal kepada mereka. Setiap respons murid direkodkan agar dapat membantu membuat analisis dari aspek kefahaman dan minat murid terhadap aplikasi teknik multisensori.

Seterusnya, bagi analisis dokumen, saya menyemak hasil kerja murid pada lembaran kerja. Markah yang diperolehi murid pada lembaran kerja yang diberikan ditafsir dalam bentuk carta bar bagi menunjukkan perbandingan skor lembaran kerja mengikut kitaran. Jika berlaku pertambahan skor, maka saya mentafsirkan bahawa aktiviti



multisensori telah berjaya membantu murid dalam menulis huruf kecil a, r dan s dengan kemas.

## DAPATAN KAJIAN

### Pemerhatian

Hasil dapatan kajian yang saya perolehi selepas melihat semula video yang dirakam adalah seperti pada Jadual 5 dan 6.

Jadual 5

Transkripsi video pemerhatian (Kitaran 1)


Huruf	Murid	Urutan Menulis	Saiz Huruf	Bentuk Huruf	Huraian Tulisan Murid
a	A	x	/	x	Kurang baik
	B	x	/	x	Kurang baik
r	A	x	/	x	Kurang baik
	B	x	/	/	Kurang baik
s	A	x	/	x	Kurang baik
	B	/	x	x	Kurang baik

Jadual 6

Tanskripsi video pemerhatian (Kitaran 2)

Huruf	Murid	Urutan Menulis	Saiz Huruf	Bentuk Huruf	Huraian Tulisan Murid
a	A	/	/	/	Baik
	B	/	/	/	Baik
r	A	/	/	/	Baik
	B	/	/	/	Baik
s	A	/	/	/	Baik
	B	/	/	/	Baik

Hasil dapatan kajian berdasarkan Jadual 5 dan Jadual adalah jelas menunjukkan perbezaan. Pada kitaran pertama, pencapaian murid masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Namun, pada kitaran dua, murid telah menunjukkan peningkatan yang sangat baik. Perbezaan markah tulisan murid berdasarkan kitaran adalah seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Markah tulisan murid

Daripada analisis data yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa teknik multisensori yang digunakan dapat membantu murid menulis huruf kecil a, r dan s. Hal tersebut adalah kerana ianya telah menunjukkan peningkatan markah tulisan bagi kedua-dua murid. Bagi murid A, ianya telah menunjukkan peningkatan sebanyak 6 markah. Muird B pula menunjukkan peningkatan sebanyak 5 markah. Peningkatan yang dapat dilihat adalah dari segi urutan menulis, saiz huruf dan juga bentuk huruf.

### Temubual

Jadual 7 dan Jadual 8 menunjukkan hasil dapatan temubual bagi persoalan kajian pertama dan kedua masing-masing.

#### Jadual 7

Sedutan temubual soalan (Persoalan Kajian 1)

Soalan 1 : Adakah aktiviti yang anda ikuti dengan menggunakan deria sentuh dan lihat (teknik multisensori) dapat membantu anda dalam menulis huruf kecil a, r dan s dengan betul?	
Murid A	<u>Belum</u> lagi cikgu. (K1)
	<u>Dapat</u> cikgu. (K2)
Murid B	Murid <u>menggelengkan kepala</u> . (K1)
	<u>Ya</u> cikgu. (K2)
Soalan 2 : Adakah selepas mengikuti aktiviti yang dijalankan anda dapat ingat urutan yang betul semasa menulis huruf kecil a, r dan s? Huraikan urutan menulis satu contoh huruf.	
Murid A	Murid <u>hanya senyum</u> . ( Murid menulis huruf r dengan cara dari bawah ke atas, satu garis bengkak ke kanan sedikit ) (K1)
	<u>Boleh</u> . Dari atas tulis lurus, lepas itu, bengkak ke kanan. ( Murid memberi contoh huruf r. ) (K2)
Murid B	<u>Belum tahu</u> lagi cikgu. (Apabila menulis huruf s, murid menulis dengan betul) (K1)
	<u>Dapat</u> cikgu. Tulis macam c dan sambung lagi dengan c terbalik di bawah. (Murid memberi huruf s). (K2)
Soalan 3 : Adakah selepas mengikuti aktiviti yang dijalankan anda yakin menulis dengan bentuk huruf kecil a, r dan s dengan betul? Huraikan bentuk bagi satu contoh huruf.	
Murid A	<u>Belum</u> cikgu. (Apabila diminta untuk menulis, murid dapat menulis huruf a dengan bentuk betul) (K1)
	<u>Yakin</u> cikgu. Huruf a melengkung macam bulat. Ada garis di tepi. (K2)
Murid B	<u>Tak pasti</u> cikgu. (Apabila menulis huruf a, huruf a tersebut tidak mengikut bentuk yang betul). (K1)
	<u>Yakin</u> cikgu. Bengkok macam bulat. Tepi ada satu garis lurus. (K2)
Saoaln 4 : Adakah selepas mengikut aktiviti yang dijalankan anda dapat menulis huruf kecil a, r dan s dengan saiz yang betul? Huraikan tentang saiz bagi satu contoh huruf.	
Murid A	<u>Tidak</u> cikgu. (Murid menulis huruf s dengan saiz yang kecil). (K1)
	<u>Ya</u> . Ikut besar tempat ( ruang ) untuk menulis huruf. (K2)
Murid B	<u>Tidak</u> cikgu. (K1)

	<b><u>Ya. Dapat</u></b> cikgu. Kalau petak besar, tulis besar. Kalau petak kecil, tulis kecil. (K2)
--	---

## Jadual 8

## Sedutan temubual soalan (Persoalan Kajian 2)

Soalan 1 : Apakah anda berasa seronok mengikuti aktiviti menulis dengan menggunakan aktiviti menulis multisensori yang dijalankan?	
Murid A	<b><u>Ya.</u></b> (K1) <b><u>Seronok</u></b> cikgu. (K2)
Murid B	<b><u>Tidak</u></b> cikgu. (K1) <b><u>Seronok</u></b> cikgu. (K2)
Soalan 2 : Adakah anda merasa yakin menulis huruf selepas mengikut aktiviti menulis dengan menggunakan aktiviti menulis multisensori di dalam kelas?	
Murid A	<b><u>Ya.</u></b> (K1) <b><u>Yakin.</u></b> (K2)
Murid B	<b><u>Belum</u></b> lagi cikgu. (K1) <b><u>Yakin.</u></b> (K2)
Soalan 3 : Adakah mengikut aktiviti adakah anda berminat mengikuti aktiviti menggunakan aktiviti menulis multisensori pada masa akan datang?	
Murid A	Murid <b><u>hanya menganggukkan kepala.</u></b> (K1) <b><u>Semakin minat</u></b> dan <b><u>semakin suka.</u></b> (K2)
Murid B	<b><u>Tak tahu</u></b> cikgu. (K1) <b><u>Semakin suka</u></b> cikgu. (K2)


Merujuk kepada sedutan temubual di atas, dapat disimpulkan bahawa aplikasi teknik multisensori dapat membantu menambahbaik tulisan dan juga menarik minat murid dalam aktiviti menulis. Walaupun begitu, pada kitaran pertama, murid masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan. Murid masih belum dapat menulis huruf kecil a, r dan s dengan urutan menulis, bentuk dan saiz huruf yang betul. Terdapat juga seorang murid (Murid B) yang belum menunjukkan minat terhadap aktiviti menulis. Walaubagaimanapun, setelah menjalankan aktiviti kajian bagi kitaran dua, murid sudah menunjukkan peningkatan dan perubahan yang positif. Murid sudah dapat menerangkan serba sedikit cara menulis huruf kecil a, r dan s dengan betul iaitu mengikut urutan menulis, bentuk dan saiz huruf yang betul. Pada masa yang sama, murid juga telah menyatakan minat mereka terhadap aktiviti menulis teknik multisensori.

### Analisis Dokumen

Hasil dapatan kajian yang saya perolehi selepas membuat semakan terhadap hasil kerja murid pada lembaran kerja yang diberikan adalah seperti dalam Rajah 2.

Daripada Rajah 2, dapat dilihat bahawa terdapat peningkatan yang sangat ketara pada markah yang diperolehi oleh kedua-dua orang murid. Markah yang diperolehi kedua-dua murid sebelum aktiviti kajian dijalankan ialah 0 markah. Setelah menjalani aktiviti kajian bagi kitaran 1, murid A dan murid B masing-masing hanya berjaya mendapat 1 markah. Pada kitaran tersebut, murid A hanya dapat menulis huruf kecil a dengan betul manakala murid B hanya dapat menulis huruf kecil s dengan betul. Walaubagaimanapun, setelah saya membuat beberapa penambahbaikan bagi aktiviti kajian kitaran 2 melalui bahan bantu mengajar yang digunakan dan peruntukan masa slot intervensi, kedua-dua murid telah menunjukkan perubahan yang positif. Kedua-dua murid dapat menulis huruf

kecil a, r dan s dengan betul dan kemas. Hal ini menunjukkan bahawa pengaplikasian teknik multisensori dapat membantu meningkatkan kekemasan tulisan murid.



Rajah 2. Markah lembaran kerja murid

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini telah memberi tanggapan dan kesedaran kepada saya bahawa ianya dapat meningkatkan profesionalisme keguruan. Ianya juga dapat membantu saya untuk menggunakan teknik yang sesuai dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan yang dijalankan di dalam kelas pendidikan pemulihan.

### **Adakah teknik multisensori dapat membantu murid pemulihan menulis huruf kecil a, r dan s dengan tulisan yang kemas?**

Kajian ini telah membuktikan bahawa aplikasi teknik multisensori dapat membantu menambahbaik tulisan murid pendidikan pemulihan. Perkara ini dapat diukur melalui pencapaian objektif yang telah ditetapkan iaitu membantu murid menulis huruf kecil a, r dan s dengan kemas melalui teknik multisensori. Buktinya, hasil dapatan kajian melalui pemerhatian, temubual dan lembaran kerja telah menunjukkan kedua-dua murid berjaya menulis huruf kecil a, r dan s dengan kemas. Huruf kecil a, r dan s yang ditulis adalah betul mengikut urutan menulis yang betul, saiz huruf dan bentuk huruf. Perkara ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dijalankan mengikut deria penglihatan, pendengaran, pergerakan dan sentuhan secara berperingkat dalam teknik multisensori telah berjaya membantu murid menulis dengan kemas (Abigail, 2016).

Saya berpendapat bahawa pencapaian objektif ini merupakan kejayaan yang baik kerana selama ini saya sentiasa berdepan dengan murid pendidikan pemulihan yang mempunyai masalah dalam kekemasan tulisan sehingga saya sukar untuk membaca tulisan mereka. Dengan mengaplikasikan teknik multisensori ini, saya dapat membantu murid-murid yang mempunyai masalah dalam kekemasan tulisan untuk menambahbaik tulisan mereka.

### **Adakah minat murid pemulihan dalam penulisan dapat ditingkatkan dengan aktiviti menulis multisensori?**

Dengan aktiviti menulis multisensori, minat murid pemulihan terhadap penulisan dapat ditingkatkan. Buktinya, daripada temubual yang dijalankan bersama murid, kedua-dua murid telah memberi respons yang positif terhadap aktiviti penulisan. Mereka menjadi semakin seronok dan mempunyai keyakinan yang tinggi apabila mengikuti aktiviti

penulisan. Seperti yang dinyatakan oleh Sophia Ason (2015), jika seseorang murid seronok untuk belajar maka ianya menunjukkan bahawa murid tersebut mempunyai minat terhadap aktiviti yang dijalankan oleh guru.

Sebelum ini, saya berpendapat bahawa murid pendidikan pemulihan kurang berminat dengan aktiviti menulis. Namun, setelah saya menggunakan teknik multisensori dalam aktiviti menulis, murid-murid pendidikan pemulihan ini semakin berminat dalam aktiviti menulis yang saya jalankan. Melalui pengaplikasian teknik multisensori, saya dapat melihat bahawa murid-murid tersebut telah mempelajari sesuatu yang baru dan menarik ketika berada di dalam kelas.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Daripada kajian yang dijalankan ini, saya bercadang agar aplikasi teknik multisensori dalam pengajaran dan pemudahcaraan perlu diteruskan bagi membantu murid-murid pendidikan pemulihan yang mempunyai masalah kekemasan tulisan. Dalam pada itu, jika kajian ini dilanjutkan pada masa akan datang, saya mencadangkan agar kajian ini dilaksanakan kepada kumpulan sasaran yang lebih besar dan luas. Sebagai contoh, kajian lanjutan ini boleh dilaksanakan kepada murid pendidikan yang lebih ramai dan juga boleh dijalankan ke atas murid berkeperluan khas seperti disgrafia, disleksia dan sebagainya (Cortiella & Horowitz, 2014). Di samping itu, pelaksanaan kajian lanjutan juga boleh dibuat penambahbaikan dan inovasi. Sebagai contoh, dari segi penyediaan bahan bantu mengajar yang lebih pelbagai (kreatif dan inovasi) dan peruntukan masa yang lebih lama untuk aktiviti kajian.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, guru pendidikan pemulihan perlulah sentiasa mencuba untuk menggunakan teknik pengajaran yang baharu bagi membantu meningkatkan profesionalisme keguruan. Dengan itu, guru dapat membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh murid-murid pendidikan pemulihan dengan lebih berkesan. Di samping itu, pengajaran dan pemudahcaraan yang dijalankan oleh guru juga lebih berkesan dan dapat menjimatkan masa (Stevens-Smith, 2016).

## RUJUKAN

- Abigail M. (2016). *Panduan lengkap ibu bapa kanak-kanak dengan Disleksia*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Cortiella, C & Horowitz, S.T.(2014). *The state of learning disabilities: facts, trends and emerging issues*. New York: National Center of Learning Disabilities
- Dunn. M. (2013). Comparing two story-writing mnemonic strategies: a randomized control trial study. *International Journal of Special Education*, 28 (3), 20-31.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Gais panduan pelaksanaan Program Pemulihan Khas*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/images/Bahagian-pendidikan-khas/Muat-Turun-PPK/Garis-Panduan-Pemulihan-Khas-Dis2012.pdf>
- Mansurnejad Z., Kajbaf M.B., & Molavi H. (2012). *The Effectiveness Of Fernald's Multi-Sensory Training on Dysgraphia and Dictation in Second Grade Primary Students [Abstract]*. *Journal Of Social Psychology (New Findings In Psychology)*,7(24), 99-111.
- Rolfe, A. & Cheek, B. (2012). Children with developmental dyslexia. *Restorative Neurology & Neuroscience*, 25(3/4), 355-369.
- Rostami, A., Allahverdi, F., & Mousavi, F. (2014). Dysgraphia: the causes and solutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*,4(2). doi:10.6007/ijarbss/v4-i2/582
- Sophia Ason. (2015). *Meningkatkan kemahiran menulis ayat tunggal yang kemas murid Tahun tiga menggunakan teknik latih tubi*. Sarawak : Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

- Stevens-Smith, D. A. (2016). *Active bodies/active brains: the relationship between physical engagement and children's brain development*. *physical educator*, 73(4), 719-732. doi:10.18666/TPE-2016V73-I4-6447.
- Tafti, M. A., & Abdolrahmani, E. (2014). *The effects of a multisensory method combined with relaxation techniques on writing skills and homework anxiety in students with Dysgraphia*. Retrieved from <http://article.sapub.org/10.5923.j.ijpbs.20140404.02.html>
- Wang C.A, Blohm G, Huang J, Boehnke S.E & Munoz D.P. (2017). Multisensory integration in orienting behavior: Pupil size, microsaccades, and saccades. *Biological Psychology*, 129, 36–44.
- Woodward S & Swinth Y, (2019). Multisensory Approach to Handwriting Remediation: Perceptions of School-Based Occupational Therapists. *The American Journal of Occupational Therapy*, 56, 305-312.
- Yusof Bin Hj. Malie & Walter Alvin (2010). Disgrafia dan cara membantu:Kajian kes ke atas murid Program Integrasi Pendidikan Khas *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL* Tahun 2010, Jilid 4. 1-22.

## **MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN KV+KVK MURID PEMULIHAN TAHUN 2 MELALUI PERMAINAN MENCARI PERKATAAN TERSEMBUNYI**

**SYEVESTER DUNDANG JUAN<sup>1</sup>, SELVARAJ GRAPRAGASEM<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan,  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.  
<sup>1</sup>syevester@hotmail.com, <sup>2</sup>gselva62@gmail.com

### **ABSTRAK**

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK dalam kalangan murid pemulihan Tahun Dua melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT). Terdapat tiga objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu membolehkan murid pemulihan tahun dua untuk membaca suku kata KV dan KVK, mengenali perkataan KV+KVK dan meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK melalui PMPT. Penyelidikan ini telah dilaksanakan ke atas enam orang murid dari kelas pemulihan. Penyelidikan tindakan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data diperoleh melalui instrumen kajian seperti analisis dokumen, ujian lisan, ujian bertulis dan pemerhatian. Hasil analisis data menunjukkan murid kelas pemulihan dapat menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK melalui PMPT.

Kata kunci : Kemahiran membaca, perkataan KV+KVK (Konsonan-Vokal+ Konsonan-Vokal-Konsonan), Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT)

### **ABSTRACT**

*This action research was carried out to improve Year Two remedial class students' reading of CV+CVC words using Hidden Word Search Games (HWSG). There are three predetermined research objectives that allow year two remedial class students to read CV and CVC syllables, to recognize the CV+CVC word, to improve the ability to read CV+CVC word through HWSG. This research was conducted on six students from the remedial class. This action research study used quantitative method. Data were obtained through research instruments such as document analysis, oral test, written test and observation. The results of data analysis showed that remedial class students were able to master the CV+CVC word reading skills through the search for HWSG.*

*Key Words : Reading skills, CV+CVC words (Consonant-Vocal+Consonant-Vocal-Consonant), Hidden Word Search Games (HWSG)*

### **PENGENALAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Pendidikan Pemulihan Khas semenjak tahun 1960-an. Tujuan program ini adalah untuk membantu murid-murid di sekolah rendah yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (Woods, 2017; KPM, 2013), di samping membantu memulihkan sikap kurang yakin dan sifat negatif murid terhadap pembelajaran (KPM, 2012). Menurut Abdul Rasid Jamian (2012), kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran asas untuk murid-murid sekolah rendah mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. kemahiran membaca pula merupakan keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul (KPM, 2016) dan ia juga merupakan satu tingkah laku manusia yang kompleks (Rafiah Mohamad, 2015). Membaca adalah satu

proses komunikasi manusia dengan bahan bercetak. Dalam proses ini, manusia mentafsir dan memberi makna kepada bahan tersebut yang umumnya bahan bertulis. Oleh itu, kemahiran membaca merupakan suatu wahana kepada seseorang individu untuk berinteraksi dengan bahan-bahan yang mempunyai perkataan bagi memperoleh sesuatu ilmu pengetahuan yang baharu. Murid-murid juga wajib menguasai kemahiran membaca bagi menyediakan diri mereka untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

## **FOKUS KAJIAN**

Pada praktikum fasa kedua di salah sebuah sekolah di Miri, pengkaji telah mengesan enam orang murid pemulihan masih lemah dalam penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK yang juga akan menjejaskan penguasaan kemahiran membaca perkataan yang lain. Contohnya, mereka tidak dapat membaca perkataan KV+KVK seperti basuh, cadar, badak, telur dan rakan. Menurut Abdul Rasid Jamian (2012), keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga boleh dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya.

Kajian ini juga memberi fokus kepada kaedah belajar sambil bermain iaitu dengan mengaplikasikan permainan mencari perkataan tersembunyi (PMPT). PMPT ialah sejenis permainan pen dan kertas selain daripada teka silang kata. Menurut Briggs dan Hansen (2012), permainan ialah aktiviti yang dapat memberi keseronokan dan motivasi secara instrinsik. Quinn (2016) pula berpendapat bahawa permainan dapat merangsang pertumbuhan bahasa pada peringkat awal kanak-kanak. Oleh yang demikian, pengkaji mengaplikasikan permainan mencari perkataan tersembunyi (PMPT) untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Kajian Ainatus Sholikhah (2011) pula mendapati bahawa PMPT dalam mengajar kata nama am telah menunjukkan peningkatan pencapaian penguasaan kata nama am bagi kumpulan yang terlibat berbanding dengan kumpulan terkawal. Manakala Hossein Vossoughi (2009) juga turut menggunakan PMPT untuk membantu murid menguasai kosa kata dan mendapati kumpulan eksperimen mendapat prestasi yang lebih baik berbanding dengan kumpulan terkawal. Ria Damayanti (2014) juga mendapati bahawa permainan mencari perkataan tersembunyi merupakan teknik yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian murid dalam penguasaan kosa kata murid. Selain itu, Siti Fatimah Kassim (2012) juga menjalankan kajian yang bertajuk “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Dapatan kajian beliau menunjukkan penggunaan permainan tersebut telah berjaya meningkatkan kemahiran merumikan perkataan jawi yang mengandungi suku kata terbuka.

Kajian-kajian lepas yang positif tentang belajar sambil bermain telah memberikan satu inspirasi dan keyakinan kepada pengkaji untuk menggunakan PMPT sebagai satu teknik bagi membantu murid pemulihan dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVK.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Membolehkan murid pemulihan tahun 2 membaca suku kata KV dan KVK melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT).



- b. Membolehkan murid pemulihan tahun 2 mengenali perkataan KV+KVK melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT).
- c. Membolehkan murid pemulihan tahun 2 meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK melalui Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT).

Soalan kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Adakah Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT) membolehkan murid pemulihan tahun 2 membaca suku kata KV dan KVK?
- b. Adakah Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT) membolehkan murid pemulihan tahun 2 mengenali perkataan KV+KVK.
- c. Adakah Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT) boleh membantu murid pemulihan tahun 2 meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK?

## **PESERTA KAJIAN**

Penyelidikan ini telah melibatkan enam peserta kajian (PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6) yang berumur lapan tahun dan sedang mengikuti Program Pendidikan Pemulihan di sebuah sekolah kebangsaan di Miri. Mereka berasal daripada keluarga yang berpendapatan sederhana. Mereka masih lemah dalam penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Mereka juga lebih suka bermain ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

## **TINDAKAN YANG DIJALANKAN**

Model Kurt Lewin (1946) telah dijadikan asas kepada pengkaji melaksanakan kajian tindakan. Model ini telah mengandungi empat langkah iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Pengkaji telah menggunakan instrumen seperti analisis dokumen (lembaran kerja), ujian (ujian bertulis dan ujian lisan) dan pemerhatian untuk mengumpul data.

Kajian ini dijalankan sebanyak dua kitaran yang berfokuskan dengan PMPT untuk membantu peserta kajian dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Pada kitaran pertama, pengkaji menjalankan tiga kali tindakan semasa PdPc. Setiap tindakan pengkaji telah memperkenalkan lima perkataan KV+KVK yang baharu. Pada kitaran dua, pengkaji telah mencipta PMPT di dalam aplikasi telefon bimbit dengan memperkenalkan lima perkataan KV+KVK yang baharu.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Dapatan Kajian Kitaran 1**

#### **Adakah Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT) membolehkan murid pemulihan tahun 2 membaca suku kata KV dan KVK?**

Soalan kajian pertama telah dijawab berdasarkan hasil dapatan daripada analisis dokumen dan pemerhatian. Analisis dokumen telah dikutip dan dianalisis sebanyak 3 kali berdasarkan tindakan yang telah dilakukan. Pengkaji telah mencatatkan bilangan suku kata KV dan KVK yang dapat dibaca oleh setiap peserta kajian bagi ketiga-tiga tindakan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Analisis membaca suku kata KV dan KVK bagi peserta kajian

Peserta	Tindakan 1 ( /10)	Tindakan 2 ( /10)	Tindakan 3 ( /10)	Jumlah suku kata KV dan KVK yang dapat dibaca ( /30)
PK1	8	8	8	24
PK2	10	9	10	29
PK3	10	10	7	27
PK4	10	9	10	29
PK5	6	7	7	20
PK6	10	9	8	27

Berdasarkan Jadual 1, PK1 telah dapat membaca 24 daripada 30 suku kata KV dan KVK pada ketiga-tiga tindakan. Manakala PK2 dan PK4 pula telah dapat membaca 29 daripada 30 suku kata KV dan KVK pada ketiga-tiga tindakan. Selain itu, PK 3 dan PK6 telah dapat membaca 27 daripada 30 suku kata KV dan KVK pada ketiga-tiga tindakan. Manakala pada ketiga-tiga tindakan, PK5 hanya dapat membaca 20 daripada 30 suku kata KV dan KVK.

Pengkaji telah menggunakan item pertama dalam borang pemerhatian pencapaian peserta kajian seperti dimuatkan dalam Jadual 2 untuk mengumpul data bagi menjawab soalan kajian pertama. Selepas pengkaji merumuskan hasil borang pemerhatian pencapaian peserta kajian dan mendapati bahawa PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah mencapai item pertama seperti dimuatkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Hasil Analisis Borang Pemerhatian Pencapaian Peserta Kajian

Bil	Item	Peserta Kajian					
		PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
1	Semasa menyiapkan lembaran kerja, peserta kajian dapat membaca lima atau lebih suku kata KV dan KVK dengan betul pada setiap tindakan	/	/	/	/	/	/

### Adakah PMPT membolehkan murid pemulihan tahun 2 mengenali perkataan KV+KVK?

Pengkaji telah menggunakan analisis dokumen, ujian bertulis (ujian 1 dan ujian 2) dan pemerhatian untuk mengumpul data. Hasil dapatan yang dikumpul melalui instrumen tersebut telah menjawab soalan kajian kedua (ii).

Pengkaji juga telah menggunakan analisis dokumen untuk mengumpul data kebolehan peserta kajian mengenali perkataan KV+KVK melalui PMPT. Jadual 3 telah memuatkan bilangan perkataan KV+KVK yang dapat dikenali oleh PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 dengan betul.

Berdasarkan Jadual 3, PK1, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah dapat mengenali 15 daripada 15 perkataan KV+KVK melalui PMPT dengan betul. Manakala PK2 hanya mendapat mengenali 14 daripada 15 perkataan KV+KVK melalui PMPT dengan betul.


Analisis data seperti dimuatkan dalam Rajah 1 menunjukkan perbezaan peratusan ujian 1 dan ujian 2 bagi enam peserta kajian. Berdasarkan Rajah 1, PK1 telah mendapat markah sebanyak 80% dan meningkat sebanyak 20% selepas tindakan. Oleh itu, PK1 telah mendapat markah 100% pada ujian 2. Manakala PK2 dan PK5 mendapat markah sebanyak

73.33% dan mendapat 100% pada ujian 2. Selepas tindakan, markah PK2 dan PK5 telah meningkat sebanyak 26.67%. Selain itu, PK3, PK4 dan PK6 telah mendapat markah sebanyak 100% pada Ujian 1 dan Ujian 2 seperti dimuatkan dalam Rajah 1.

Jadual 3

Analisis mengenali perkataan KV+KVK melalui PMPT

Peserta	Tindakan 1 ( / 5)	Tindakan 2 ( / 5)	Tindakan 3 ( / 5)	Jumlah perkataan KV+KVK yang dikenali( / 15)
PK1	5	5	5	15
PK2	5	5	4	14
PK3	5	5	5	15
PK4	5	5	5	15
PK5	5	5	5	15
PK6	5	5	5	15



Rajah 1. Perbezaan peratusan ujian 1 dan ujian 2 bagi enam peserta kajian

Pengkaji telah menggunakan pemerhatian untuk mengesan kebolehan PMPT membantu peserta kajian mengenali perkataan KV+KVK. Pengkaji telah menggunakan item kedua dan ketiga dalam borang pemerhatian pencapaian peserta kajian seperti dimuatkan dalam Jadual 4. Hasil analisis pemerhatian telah menunjukkan PK1, PK2, PK3, PK4, PK 5 dan PK6 telah mencapai item kedua dan ketiga seperti dimuatkan dalam Jadual 4.


Jadual 4

Hasil Analisis Borang Pemerhatian Pencapaian Peserta Kajian

Bil.	Item	Peserta Kajian					
		PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
2	Semasa melakukan aktiviti PMPT, peserta kajian dapat mencari dan membaca tiga atau lebih perkataan KV+KVK dengan betul pada setiap tindakan.	/	/	/	/	/	/
3	Selepas tindakan, peserta kajian telah mendapat markah yang lebih baik pada ujian 2 berbanding dengan ujian 1.	/	/	/	/	/	/

### Adakah PMPT boleh membantu murid pemulihan tahun 2 meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK?

Pengkaji telah menggunakan ujian lisan dan pemerhatian untuk mendapatkan data bagi menjawab soalan kajian ketiga (iii). Hasil dapatan instrumen tersebut telah dapat menjawab soalan kajian ketiga dan mencapai objektif kajian ketiga. Hasil analisis data ujian lisan 1 dan ujian lisan 2 adalah seperti dimuatkan dalam Rajah 2 bagi keenam-enam peserta kajian.



Rajah 2. Perbezaan peratusan ujian lisan 1 dan ujian lisan 2 bagi enam peserta kajian

Berdasarkan Rajah 2, PK1 dan PK4 telah mendapat markah 13.33% pada ujian lisan 1 dan 100% pada ujian 2 dan peningkatan markah sebanyak 86.67% selepas tindakan. Manakala PK2 dan PK3 mendapat markah 20% pada ujian lisan 1 dan 100% pada ujian lisan 2 dan peningkatan markah sebanyak 80% telah diperolehi. PK5 pula telah mendapat markah 0% pada ujian lisan 1 dan mendapat 93.33% markah pada ujian lisan 2. Akhir sekali, PK6 telah mendapat markah sebanyak 40% pada ujian lisan 1 dan meningkat sebanyak 60% serta mendapat 100% pada ujian lisan 2 seperti dimuatkan dalam Rajah 2.

Jadual 5 telah dimuat dengan hasil analisis pemerhatian berdasarkan item keempat dalam borang pemerhatian pencapaian peserta kajian bagi keenam-enam peserta kajian. Hasil daripada pemerhatian item keempat dalam borang pemerhatian pencapaian peserta kajian telah menunjukkan PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah mendapat markah yang lebih baik pada ujian 2 berbanding dengan ujian 1 seperti dimuatkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

#### Hasil Analisis Borang Pemerhatian Pencapaian Peserta Kajian

Bil.	Item	Peserta Kajian					
		PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
4	Selepas tindakan, peserta kajian telah mendapat markah yang lebih baik pada ujian lisan 2 berbanding dengan ujian lisan 1.	/	/	/	/	/	/

Berdasarkan hasil analisis hasil instrumen seperti analisis dokumen, ujian dan pemerhatian, pengkaji merumuskan bahawa ketiga-tiga objektif dan soalan kajian boleh dicapai dan dijawab. Walau bagaimanapun, pengkaji telah merancang satu tindakan sebagai langkah tindakan susulan bagi mengekalkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK dan meneruskan kajian pada kitaran 2. Pengkaji juga mendapati peserta kajian kurang bersemangat untuk melakukan PMPT pada tindakan ketiga yang dihasilkan dengan menggunakan kad huruf sahaja.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mencipta PMPT melalui aplikasi “AppsGeyser”. Peserta kajian menggunakan telefon bimbit untuk melakukan PMPT pada kitaran 2 dan bimbingan telah dilaksanakan pada luar waktu proses PdPc. Pengkaji telah membimbing peserta kajian secara berpasangan ketika setiap kali tindakan dilakukan.

### **Dapatan Kajian Kitaran 2**

Dapatan kajian kitaran 2 juga telah diinterpretasikan seperti pada kitaran 1. Pada kitaran 2, pengkaji telah memilih lima perkataan KV+KVK yang baharu dan satu perkataan KV+KVK yang belum dapat dibaca oleh PK5 untuk diperkenalkan.

### **Adakah Permainan Mencari Perkataan Tersembunyi (PMPT) membolehkan murid pemulihan tahun 2 membaca suku kata KV dan KVK?**

Pengkaji telah menggunakan hasil dapatan yang dikumpul melalui analisis dokumen dan pemerhatian untuk menjawab soalan kajian (i). Soalan kajian pertama telah terjawab dan mencapai objektif kajian pertama berdasarkan hasil dapatan daripada instrumen tersebut.

Jadual 6 telah memuatkan hasil dapatan analisis dokumen pada kitaran 2 bagi keenam-enam peserta kajian. Berdasarkan Jadual 6, PK1 dan PK2 telah dapat membaca 10 daripada 12 suku kata KV dan KVK yang diperkenalkan dalam kitaran 2. PK3 dapat membaca 11 daripada 12 suku kata KV dan KVK dengan betul pada kitaran 2. Selain itu, PK4 dan PK6 boleh membaca 12 daripada 12 suku kata KV dan KVK dengan betul seperti dimuatkan dalam Jadual 6. Walau bagaimanapun, PK5 hanya dapat membaca sembilan daripada dua belas suku kata KV dan KVK dengan betul berbanding dengan peserta kajian yang lain seperti dimuatkan dalam Jadual 6.

Jadual 6

Analisis membaca suku kata KV dan KVK bagi peserta kajian (kitaran 2)

Peserta	Tindakan ( / 12)	Jumlah suku kata KV dan KVK yang dapat dibaca ( / 12)
PK1	10	10
PK2	10	10
PK3	11	11
PK4	12	12
PK5	9	9
PK6	12	12

Pada kitaran 2, pengkaji juga telah membuat pemerhatian dengan menggunakan item pertama dalam borang pemerhatian pencapaian peserta kajian seperti pada kitaran 1. Hasil analisis pemerhatian tersebut telah menunjukkan PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah mencapai item tersebut.

### **Adakah PMPT membolehkan murid pemulihan tahun 2 mengenali perkataan KV+KVK?**

Pengkaji telah menggunakan analisis dokumen, ujian bertulis (ujian 1 dan ujian 2) dan pemerhatian untuk mengumpul data pada kitaran 2. Hasil data yang dikumpul melalui instrumen tersebut telah menjawab soalan kajian kedua (ii) dan mencapai objektif kajian kedua.

Jadual 7 memuatkan hasil analisis peserta kajian mengenali perkataan KV+KVK melalui PMPT pada Kitaran 2. Jadual 7 memuatkan hasil analisis dokumen yang


membuktikan PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah dapat mengenali enam daripada enam perkataan KV+KVK yang telah diperkenalkan pada kitaran 2.

Jadual 7

Analisis mengenali perkataan KV+KVK melalui PMPT (Kitaran 2)

Peserta	Tindakan ( / 6)	Jumlah perkataan KV+KVK yang dikenali ( / 6)
PK1	6	6
PK2	6	6
PK3	6	6
PK4	6	6
PK5	6	6
PK6	6	6

Pada kitaran 2, PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah menunjukkan prestasi yang sangat memuaskan dan mendapat peratusan markah yang maksimum bagi ujian 1 dan ujian 2 pada kitaran 2 seperti dimuatkan dalam Rajah 3.




Rajah 3. Perbezaan peratusan ujian 1 dan ujian 2 bagi enam peserta kajian (kitaran 2)

Hasil analisis ujian 1 dan ujian 2 pada kitaran 2 telah dimuatkan dalam Rajah 3. PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah mendapat markah sebanyak 100% pada ujian 1 dan ujian 2 seperti dimuatkan dalam Rajah 3. Ini juga telah menunjukkan PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 telah berjaya mencari semua perkataan tersembunyi yang terdapat dalam ujian 1 dan ujian 2. Mereka juga telah boleh mencari perkataan tersembunyi bagi perkataan KV+KVK dengan betul pada tahap yang baik. Mereka juga dapat mengenal perkataan KV+KVK dengan betul pada tahap yang sangat memuaskan.

Pengkaji telah membuat pemerhatian menggunakan item kedua dan ketiga dalam borang pemerhatian pencapaian peserta kajian seperti pada kitaran 1. Hasil daripada analisis borang pemerhatian tersebut, pengkaji merumuskan bahawa PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 dapat mencapai item kedua dan ketiga.

### **Adakah PMPT boleh membantu murid pemulihan tahun 2 meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK?**

Hasil dapatan daripada ujian lisan dan pemerhatian telah menjawab soalan kajian ketiga (c) dan mencapai objektif kajian ketiga. Pada kitaran 2, ujian lisan 1 juga telah ditadbirkan seperti pada kitaran 1. Hasil analisis data ujian lisan 1 dan ujian lisan 2 adalah seperti dimuatkan dalam Rajah 4.



Rajah 4. Perbezaan peratusan ujian lisan 1 dan ujian lisan 2 bagi enam peserta kajian (kitaran 2)

PK1 dan PK3 telah mendapat markah 16.67% pada ujian lisan 1 seperti dimuatkan dalam Rajah 4. Manakala PK1 dan PK3 telah mendapat markah 100% pada ujian lisan 2. Selepas tindakan, PK1 dan PK3 telah mendapat peningkatan markah sebanyak 83.33%. Berdasarkan Rajah 4, PK2 dan PK5 telah mendapat markah 33.33% pada ujian lisan 1 dan 100% pada ujian lisan 2. Ini juga telah menunjukkan terdapat peningkatan markah sebanyak 66.67% selepas mengikuti tindakan. Pada kitaran 2, PK4 dan PK6 telah mendapat markah 100% pada ujian lisan 1 dan ujian lisan 2.

Pada kitaran 2, pengkaji juga menggunakan item keempat dalam borang pemerhatian pencapaian peserta kajian untuk menggumpul data bagi menjawab soalan kajian ketiga seperti pada kitaran 1. Hasil daripada analisis pemerhatian telah menunjukkan PK1, PK2, PK3, PK4 PK5 dan PK6 mencapai item keempat.

Secara rumusnya, peserta kajian telah dapat membaca suku kata KV dan KVK yang telah diperkenalkan pada kitaran 2. Mereka juga telah dapat mengenali perkataan KV+KVK dengan lebih senang. Seterusnya, mereka juga dapat membaca perkataan KV+KVK dengan betul selepas mengikuti tindakan pada kitaran 2. Walau bagaimanapun, tindakan susulan juga perlu diteruskan untuk mengekalkan pencapaian peserta kajian.

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis data bagi instrumen seperti analisis dokumen, ujian dan pemerhatian bagi kitaran 1 dan kitaran 2 telah mendapati bahawa PMPT berupaya meningkatkan kemahiran membaca perkataan KV+KVK secara khususnya. Secara tidak langsungnya, PMPT dapat membantu murid pemulihan dalam usaha menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Dapatan kajian ini seiring dengan kajian lepas seperti Ambiyatul Um (2018) yang telah menggunakan PMPT dalam penguasaan kosa kata dan mendapati PMPT mempunyai signifikan dalam penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar Gred 8 daripada SMP N1 Ambarawa. Manakala, Santi Dyah Anggraeni (2015) pula, mengajar kosa kata dengan menggunakan permainan mencari perkataan tersembunyi turut berjaya meningkatkan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pengkaji telah menggunakan PMPT bagi membantu peserta kajian untuk menguasai kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Peserta kajian juga diberi peluang untuk mencuba berulang-kali untuk membaca. Pengkaji juga bercadang meneruskan penggunaan teknik PMPT untuk membantu murid pemulihan dalam penguasaan kemahiran

membaca seperti dalam kemahiran membaca suku kata KVK atau kemahiran membaca perkataan VKV dan KVKV. Selain itu, penambahbaikan PMPT dalam aplikasi telefon bimbit yang lebih menarik supaya peserta kajian lebih bersemangat dan seronok. Pengkaji lain juga boleh memperluaskan lagi objektif dan soalan kajian yang sedia ada dan menggunakan instrumen seperti temu bual dan buku log untuk digunakan dalam proses mengumpul data.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa PMPT dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca perkataan KV+KVK. Bimbingan yang berterusan juga perlu diberikan kepada peserta kajian ketika melakukan PMPT sambil membaca. Pengaplikasian PMPT dengan menggunakan telefon bimbit telah membantu pengkaji untuk menerapkan unsur teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses PdPc yang berlandaskan trend pengajaran dan pembelajaran Abad ke-21.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Jamian. (2012). *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar*. Diperoleh dari <http://journalarticle.ukm.my/2528/1/1-12> Jurnal\_Pendidikan\_Bahasa\_Melayu\_pdf.
- Ainatus Sholikhah. (2011). *The effectiveness of word find puzzle to teach common noun for 5<sup>th</sup> grades of elementary school*. Retrieved from <http://library.walisongo.ac.id/digilib/files/disk1/104/jptiain-gdlainatussho-5188-1-fileskr-h.pdf>.
- Ambiyatul Um. (2018). *The Influence of Using Word Search Puzzle Game Towards Students' Vocabulary Mastery at the First Semester of the Eighth Grade of SMP N1 Ambarawa Pringsewu In The Academic Year of 2017/2018*. (Unpublished Thesis). Raden Intan State Islamic University Lampung
- Briggs, M. & Hansen, A. (2012). *Play-based learning in the primary school*. London: SAGE Publications Ltd.
- Hosseini Vossoughi. (2009). Using Word-Search-Puzzle Games for Improving Vocabulary Knowledge of Iranian EFL Learners. *Journal Of Teaching English AsA Foreign Language And Literature Of Islamic Azad University Of Iran*, 1(1), 79-85.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Garis Panduan pelaksanaan program pemulihan khas*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *NKRA-LINUS 2.0: Modul latihan guru pemulihan khas tahun 2013*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah rendah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 2*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lewin, K. (1946). *Action research and minority problems*. Retrieved from [http://www.cscd.osakau.ac.jp/user/rosaldo/K\\_Lewin\\_Action\\_research\\_minority\\_1946.pdf](http://www.cscd.osakau.ac.jp/user/rosaldo/K_Lewin_Action_research_minority_1946.pdf)
- Quinn, S. J. (2016). *Learning to play and playing to learn: The role of symbolic play in language acquisition*. Retrieved from <http://openresearchrepository.anu.edu.au/bitstream/1885/105179/1/Quinn%20Thesis%202016.pdf>
- Rafiah Mohamad. (2015). *Penggunaan kaedah gabungan bunyi-kata untuk meningkatkan kemahiran membaca suku kata kvkv*. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Ria Damayanti H. (2014). *Teaching Vocabulary Through Word Search Puzzle to the Fifth Grade Students of SDN01 Ngaglik Blitar in the Academic Year 2013/2014*. (Unpublished Thesis). State Islamic Institute (IAIN) Tulungagung.
- Santi Dyah Anggraen. (2015). *The Effectiveness of Word-Search Puzzle Games on Vocabulary Mastery for the Students of First Grade in MTs Muhammadiyah 1 Malang*. (Unpublished Thesis). University Muhammadiyah of Malang.
- Siti Fatimah Kassim. (2012). Penggunaan “permainan cari saya berserta sifir vokal + diftong (au/ai)” dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan jawi yang mengandungi suku kata terbuka. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*. 27-28 September. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.



Syevester Dundang Juan & Selvaraj Grapragasem

Woods, R. (2017). *Remedial Education Program* (REP). Retrieved from <http://www.gadoe.org/Curriculum-Instruction-and-Assessment/Curriculum-and-Instruction/Pages/Remedial-Education-Program.aspx>

## **PENGGUNAAN BUKU GARIS EMPAT SECARA LATIH TUBI DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS HURUF BEREKOR MURID PEMULIHAN**

**PATRICIA LUT<sup>1</sup>, BAITY BUJENG<sup>2</sup>, PhD**

Jabatan Ilmu Pendidikan,  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.  
<sup>1</sup>patricialut50@gmail.com, <sup>2</sup>baitybujeng@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid pemulihan tahun 3 dalam menguasai kemahiran menulis huruf kecil berekor “g”, “j” dan “y”. Kajian tindakan ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran dengan berpandukan model Kurt Lewin (1946). Peserta kajian yang dipilih terdiri daripada dua orang murid dari sebuah sekolah kebangsaan di bandaraya Miri. Pengkaji telah menggunakan buku latihan garis empat untuk aktiviti latih tubi bagi membantu murid mengatasi masalah mereka. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temubual dan bukti dokumen. Data pemerhatian direkodkan dengan menggunakan nota lapangan yang dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku murid. Data temubual pula dianalisis dalam bentuk pengkodan untuk memperoleh hasil dapatan yang jelas manakala bukti dokumen dianalisis dengan merujuk rubrik pemarkahan dibina. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan buku garis empat secara latih tubi telah berjaya meningkatkan kemahiran menulis huruf kecil berekor murid dengan betul. Implikasi kajian telah membuktikan bahawa penggunaan buku garis empat secara latih tubi dapat menunjukkan kesan positif terhadap kemahiran menulis murid pemulihan. Kesimpulannya, kekemasan tulisan murid dapat dipertingkatkan melalui latih tubi yang berterusan.

Kata kunci: Kemahiran menulis huruf kecil “g”, “j” dan “y”, buku garis empat, Pendidikan Pemulihan.

### **ABSTRACT**

